

GARIS PANDUAN PERANCANGAN JPBD 19/97

# GARIS PANDUAN PERANCANGAN

---

## KEMUDAHAN MASYARAKAT

---



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA  
SEMENANJUNG MALAYSIA

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1997  
Cetakan Kedua 1999  
© Hakcipta  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Malaysia

Hakcipta terpelihara.  
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak  
boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara  
yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan  
dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada  
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya  
tanpa kebenaran bertulis daripada  
Penerbit terlebih dahulu.

**ISBN 983-9396-31-5**

KDN : BP/301/22 Jld. 19 SEM/2.

Diterbitkan di Malaysia  
Oleh  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Malaysia.  
Tel : 03-2989211 Fax : 03-2929994

Dicetak oleh:  
**Misas Advertising**  
No. 7, Jalan 6/23E,  
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.  
Tel./Fax No: 03-40242004

**Harga : RM30.00**

307-1216095715  
F  
-6 OCT 2003  
NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA  
**APB 01113464**

# KATA ALU-ALUAN

*Ketua Pengarah  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia*

---




**P**erancangan untuk kemudahan masyarakat di negara ini melibatkan berbagai organisasi di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Ini memperlihatkan bahawa penyediaan kemudahan masyarakat amatlah penting dan wajib dilengkapi dengan piawaian (standard) yang sejagat untuk memastikan bahawa ianya tidak tertinggal di dalam agenda pembangunan.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sebagai 'lead agency' di dalam perancangan pembangunan sesuatu kawasan bandar dan desa di negara ini telah mengambil langkah dengan menyediakan satu Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat bertujuan menyediakan keperluan-keperluan kemudahan untuk masyarakat mengikut kriteria-kriteria perancangan berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat.

Diharap dengan adanya garis panduan perancangan ini, isu semasa mengenai perancangan kemudahan masyarakat di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan dapat ditangani bersama bagi menambahbaikkan perancangannya pada masa hadapan.

Garis panduan ini disediakan adalah untuk membantu Pihakberkuasa Negeri dan Tempatan di dalam merancang pembangunan kemudahan masyarakat dengan menyediakan dasar yang seragam dan pelaksanaan piawaian perancangan yang lebih rasional, ke arah mencapai penyediaan kemudahan masyarakat yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Jabatan serta agensi lain yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan untuk menghasilkan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat ini.

  
**DATU PROF. ZAINUDDIN BIN MUHAMMAD**  
(D.P.M.T., J.M.N., J.S.M., S.M.T., K.M.N., A.S.K.)

---

<b>1.0</b>	<b>TUJUAN</b>	1
<b>2.0</b>	<b>LATARBELAKANG</b>	1
<b>3.0</b>	<b>DASAR PELAKSANAAN</b>	4
<b>4.0</b>	<b>PERANAN KEMUDAHAN MASYARAKAT</b>	5
<b>5.0</b>	<b>PRINSIP PERANCANGAN</b>	6
<b>6.0</b>	<b>KEMUDAHAN KESIHATAN</b>	8
6.1	Garis Panduan Umum	8
6.1.1	Perancangan Tapak	8
6.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	9
6.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	9
6.1.4	Kemudahan Sokongan	11
6.2	Piawaian	12
6.2.1	Hospital	12
6.2.2	Klinik Kesihatan	12
6.2.3	Klinik Desa	13
<b>7.0</b>	<b>KEMUDAHAN PENDIDIKAN</b>	15
7.1	Garis Panduan Umum	15
7.1.1	Perancangan Tapak	15
7.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	17
7.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	17
7.1.4	Sistem Perhubungan dan Kemudahan Sokongan	18
7.2	Garis Panduan Khusus	19
7.2.1	Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA)/Taska	19
7.2.2	Sekolah Rendah	20
7.2.3	Sekolah Menengah	20
7.2.4	Sekolah Sinar (rekabentuk sepadu)	21
<b>8.0</b>	<b>KEMUDAHAN POLIS</b>	27
8.1	Garis Panduan Umum	27
8.1.1	Perancangan Tapak	27
8.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	28
8.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	28
8.2	Piawaian	29

<b>9.0</b>	<b>KEMUDAHAN BOMBA DAN PENYELAMAT</b>	30
9.1	Garis Panduan Umum	30
9.1.1	Perancangan Tapak	31
9.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	31
9.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	32
9.2	Piawaian	33
<b>10.0</b>	<b>DEWAN ORANG RAMAI</b>	35
10.1	Garis Panduan Umum	35
10.1.1	Perancangan Tapak	36
10.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	36
10.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	37
10.2	Piawaian	38
10.2.1	Balai Raya	38
10.2.2	Dewan Orang Ramai	38
10.2.3	Dewan Serbaguna	39
<b>11.0</b>	<b>KEMUDAHAN KEBAJIKAN</b>	41
11.1	Garis Panduan Umum	42
11.1.1	Perancangan Tapak	42
11.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	43
11.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	43
11.2	Garis Panduan Khusus	44
11.2.1	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak	44
11.2.2	Pusat Harian Warga tua	45
11.2.3	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti	45
11.3	Piawaian	45
<b>12.0</b>	<b>PERPUSTAKAAN AWAM</b>	47
12.1	Garis Panduan Umum	47
12.1.1	Perancangan Tapak	48
12.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	49
12.1.3	Rekabentuk dan Susunatur	50
12.2	Piawaian	51
<b>13.0</b>	<b>KEMUDAHAN PERKHIDMATAN POS</b>	54
13.1	Garis Panduan Umum	54
13.1.1	Perancangan Tapak	54
13.1.2	Keluasan dan Saiz Minimum Tapak	55
13.1.3	Susunatur dan Rekabentuk	55
13.3	Piawaian	56

<b>14.0</b>	<b>GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM</b>	<b>57</b>
	(Rujuk Piawaian Perancangan JPBD 7/97)	
<b>15.0</b>	<b>GARIS PANDUAN PERANCANGAN TANAH PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM</b>	<b>58</b>
	(Rujuk Piawaian Perancangan JPBD 17/97)	
<b>16.0</b>	<b>GARIS PANDUAN PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN REKREASI</b>	<b>59</b>
	(Rujuk Piawaian Perancangan JPBD 21/97)	
<b>17.0</b>	<b>GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT BUKAN ISLAM</b>	<b>60</b>

#### **Senarai Jadual**

Jadual 6.1	: Komponen Kemudahan Kesihatan	10
Jadual 6.2	: Piawaian Kemudahan Kesihatan	14
Jadual 7.1	: Keperluan Keluasan Tapak	22
Jadual 7.2	: Piawaian Kemudahan Pendidikan	23
Jadual 8.1	: Komponen Utama Balai Polis	29
Jadual 8.2	: Piawaian Kemudahan Polis	29
Jadual 9.1	: Piawaian Kemudahan Bomba dan Penyelamat	34
Jadual 10.1	: Piawaian Dewan Orang Ramai	40
Jadual 11.1	: Piawaian Kemudahan Kebajikan	46
Jadual 12.1	: Piawaian Perpustakaan Awam	52
Jadual 13.1	: Piawaian Kemudahan Perkhidmatan Pos	56

#### **Senarai Rajah**

Rajah 5.1	: Contoh Pelan Susunatur Hospital	14
Rajah 7.1	: Lokasi dan Jarak Sekolah Dari Rumah	22
Rajah 7.2	: Jarak Antara Kemudahan Pendidikan Dengan Kediaman	24
Rajah 7.3	: Contoh Pelan Susunatur Tadika	25
Rajah 7.4	: Contoh Pelan Susunatur Sekolah	25
Rajah 7.5	: Contoh Pelan Susunatur Sekolah Sinar	26
Rajah 8.1	: Contoh Pelan Susunatur Balai Polis Bandar	30
Rajah 9.1	: Contoh Pelan Susunatur Balai Bomba	35
Rajah 10.1	: Contoh Pelan Susunatur Dewan Orang Ramai	41
Rajah 11.1	: Contoh Pelan Susunatur Kemudahan Kebajikan	47
Rajah 12.1	: Contoh Pelan Susunatur Perpustakaan Awam	53
Rajah 12.2	: Contoh Pelan Susunatur Perpustakaan Kecil Awam Di Kawasan Perumahan	53

Rajah 13.1 :	Contoh Pelan Susunatur Kemudahan Masyarakat (Pejabat Pos, Perpustakaan, Dewan Orang Ramai dan Klinik)	57
--------------	--	----

#### SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 :	Hierarki Kemudahan Kesihatan	i
Lampiran 2 :	Hierarki Kemudahan Pendidikan	iii
Lampiran 3 :	Ringkasan Keperluan Asas Balai Bomba	v

## **GARIS PANDUAN PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**

### **1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat ini disediakan bertujuan untuk membantu Pihakberkuasa Negeri, Pihakberkuasa Tempatan, dan agensi-agensi pelaksana menyediakan kemudahan masyarakat yang cukup dalam merancang sesuatu kawasan pembangunan.

### **2.0 LATARBELAKANG**

Nadi kepada masyarakat madani adalah pembangunan kemudahan masyarakat khususnya sosial yang boleh berperanan untuk memupuk perpaduan, mendidik sifat kasih sayang, berakhlak tinggi, berwawasan, jiwa besar dan yang terunggul sekali adalah bahawa bandar-bandar di Malaysia pada masa hadapan akan menghasilkan ciri-ciri penduduk seperti berikut:-

- i. Penduduk yang menyedari peranan mereka sebagai pentadbir bumi dan memikul amanah untuk memakmurkan bumi bagi pihak Pencipta.
- ii. Manusia sebagai insan yang seimbang di antara fizikal, mental dan kerohanian dan sentiasa mematuhi nilai-nilai murni sejagat dalam segala usaha-usaha yang dilakukannya.
- iii. Penduduk yang patuh kepada Pencipta, mesra dan penyayang dalam perhubungan sesama masyarakat dan peka terhadap kesan tindakannya kepada alam sekitar.
- iv. Penduduk yang segala tindakannya dikawal dan diarah oleh kekuatan dan ketahanan dalaman melalui tahap kerohanian, moral dan etika yang tinggi, mental yang matang dan stabil, intelektual yang mantap dan padu serta tubuh yang sihat dan sejahtera.
- v. Masyarakat cemerlang yang mempunyai kualiti diri, menguasai ilmu dan kemahiran serta mampu menghadapi cabaran-cabaran semasa dan akan datang.
- vi. Penduduk yang mempunyai institusi keluarga yang kukuh dan mantap serta semangat kejiranan yang erat, berharmoni dan bekerjasama ke arah menjamin masyarakat yang beretika dan bermoral.



Kemudahan masyarakat merangkumi beberapa sektor seperti kemudahan tanah lapang dan rekreasi, tempat ibadat, pendidikan, kesihatan, bomba, polis, perpustakaan awam, dewan orang ramai dan tanah perkuburan.

Kemudahan masyarakat merupakan salah satu elemen penting di dalam proses perancangan dan pembangunan negara. Penyediaan kemudahan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti adalah perlu kerana ianya bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator pembangunan dan taraf hidup sesuatu masyarakat. Oleh itu penyediaan kemudahan dan perkhidmatan masyarakat tidak harus dianggap ringan kerana penyediaan yang kurang memuaskan boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhannya. Di samping itu, penyediaan dan penawaran yang memuaskan bukan sahaja dikira dari segi bilangannya berasaskan jumlah penduduk tetapi juga dari segi tapak, taburan yang seimbang dan kualiti perkhidmatan serta kesesuaiannya dengan masyarakat setempat. Ini akan dapat memastikan setiap lapisan masyarakat boleh menikmati kemudahan yang disediakan.

Kebiasaannya kemudahan masyarakat dilihat oleh pemaju sebagai gunatanah yang tidak menguntungkan. Walau bagaimanapun ianya dapat menaikkan nilai hartanah sesuatu kawasan kerana kemudahan ini memberi faedah kepada penduduk dalam kawasan tersebut.

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat ini merangkumi kemudahan berikut:

- i. Kemudahan Kesihatan;
- ii. Kemudahan Pendidikan;
- iii. Kemudahan Pos;
- iv. Kemudahan Polis;
- v. Kemudahan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat;
- vi. Kemudahan Kebajikan;
- vii. Dewan Orang Ramai; dan
- viii. Perpustakaan.

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat ini meliputi komponen perancangan seperti berikut:

- i. Lokasi;
- ii. Rekabentuk;
- iii. Saiz;
- iv. Piawaian;
- v. Kriteria perancangan dan penyediaan kemudahan masyarakat; dan
- vi. Kemudahan Infrastruktur yang merangkumi:
  - a) Bekalan air;
  - b) Bekalan elektrik;
  - c) Telekomunikasi (telefon, komputer, kemudahan internet);
  - d) Pembetulan;
  - e) Pembuangan sampah; dan
  - f) Sistem perparitan.

Perancangan bagi kemudahan masyarakat yang lain seperti tempat ibadat, tanah lapang dan rekreasi serta tanah perkuburan hendaklah mematuhi garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia iaitu:

- a. Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Islam;
- b. Garis Panduan Perancangan Tempat Ibadat Bukan Islam;
- c) Piawaian Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi; dan
- d) Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam.

### 3.0 DASAR PELAKSANAAN

- i. Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat hendaklah mematuhi akta-akta yang telah diterimapakai oleh Kerajaan Persekutuan dan Pihakberkuasa Negeri iaitu:
  - a) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 50/1965) (Sek.124A dan 204D);
  - b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
  - c) Akta Perancangan Bandar dan Desa (pindaan) 1995 (Akta A933); dan
  - d) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- ii. Penyediaan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan hendaklah merancang keperluan Kemudahan Masyarakat khususnya kemudahan sosial di peringkat Negara, Negeri dan Tempatan.
- iii. Pihakberkuasa Tempatan hendaklah menguatkuasakan penggunaan garis panduan dan Piawai Perancangan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dalam memberi kelulusan permohonan kebenaran merancang dan kelulusan Pelan Susunatur.
- iv. Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat hendaklah mematuhi dasar dan garis panduan yang telah ditetapkan dalam strategi pembangunan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan.
- v. Pihakberkuasa Tempatan hendaklah memastikan bahawa lot-lot untuk kegunaan awam setelah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri diserahkan kepada Kerajaan oleh Tuan Tanah untuk dimajukan.
- vi. Pihakberkuasa Negeri hendaklah memastikan bahawa semua tapak untuk kegunaan kemudahan masyarakat dalam pelan pembangunan yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Tempatan hendaklah diserahkan semula kepada kerajaan. Semua tanah ini hendaklah dalam keadaan sedia untuk dimajukan oleh Pihakberkuasa Tempatan (seperti menyediakan parit, merata tanah menanam rumput dan menyediakan jalan masuk) sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan supaya pihak pelaksana dapat memajukan bagi maksud yang dirancang.

- vii. Tapak untuk kemudahan masyarakat seperti tanah lapang awam, tanah perkuburan serta tempat ibadat yang hendak diserahkan kepada Kerajaan, hendaklah disediakan peralatan mengikut fungsi yang telah ditetapkan mengikut Pelan Susunatur sebelum Sijil Kelayakan Menduduki dikeluarkan.
- viii. Bagi kawasan perumahan sedia ada, tanah-tanah Kerajaan yang belum dimajukan hendaklah dibangunkan untuk kemudahan masyarakat.
- ix. Perletakan setiap Kemudahan Masyarakat hendaklah di kawasan tumpuan orang ramai dan di integrasikan dengan Kemudahan Masyarakat yang lain serta mudah sampai dan selamat.
- x. Setiap perancangan Kemudahan Masyarakat hendaklah disediakan infrastruktur dan khidmat sokongan seperti menyediakan khidmat pengangkutan awam, laluan pejalan kaki, ruang rehat dan menunggu dan sebagainya untuk kemudahan pengguna.
- xi. Setiap perancangan Kemudahan Masyarakat perlu menyediakan ruang untuk landskap.

#### **4.0 PERANAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**

Kemudahan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan sebuah masyarakat madani. Antara peranan penting kemudahan masyarakat adalah seperti berikut:

- i. Kemudahan kesihatan berperanan sebagai pusat rawatan dan bimbingan ke arah menuju masyarakat sihat;
- ii. Kemudahan pendidikan berperanan sebagai pusat pendidikan dan ilmu iaitu tempat sasaran pembelajaran dan pengajaran;
- iii. Kemudahan perkhidmatan pos berperanan sebagai pusat tempat masyarakat mendapatkan perkhidmatan berkaitan pos;
- iv. Kemudahan perkhidmatan polis berperanan sebagai pusat memberi khidmat kawalan dan keselamatan negara;
- v. Perkhidmatan bomba berperanan sebagai pusat yang memberi perkhidmatan bomba dan penyelamat, iaitu tempat masyarakat mendapatkan pertolongan dan perlindungan dari kerugian kebakaran serta keselamatan nyawa;

- vi. Kemudahan kebajikan berperanan sebagai tempat perlindungan dan pergantungan wargatua dan yang kurang upaya yang tiada tempat perlindungan atau saudara mara, ia juga memberi sistem sokongan masyarakat kepada kumpulan sasaran tertentu;
- vii. Dewan orang ramai berperanan sebagai tempat pertemuan masyarakat dalam menjalankan aktiviti sosial, beriadah, bersukan dan aktiviti kebudayaan di samping menjalankan perhubungan sesama insan; dan
- viii. Perpustakaan awam berperanan sebagai pusat sumber dan rujukan bagi mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan berilmu.

## 5.0 PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan penyediaan kemudahan masyarakat adalah berasaskan kepada prinsip perancangan berikut:

### i. Adil

- Tepat dan Saksama

Pengagihan pembangunan kemudahan masyarakat yang **mencukupi** dan **saksama** dan meletakkan aktiviti di tempat yang **tepat** dan bersesuaian mengikut keperluan penduduk.

### ii. Ihsan

- Seni dan Keindahan

Perancangan dan seni bina bangunan perlu melahirkan **seni dan keindahan** yang mempunyai nilai estetik yang tinggi serta mencerminkan ciri-ciri warisan kebudayaan tempatan.

- Kemudahsampaian

Perancangan kemudahan masyarakat di lokasi yang strategik dari segi aksesibiliti dan **kemudahsampaian**.

### iii. Amanah Dan Berwibawa

- Sistematis

a. Menyediakan kemudahan masyarakat yang **sistematis** dan

**mencukupi** berdasarkan keperluan penduduk setempat; dan

- b. Memastikan kemudahan yang disediakan digunakan dengan cara yang betul tanpa merosakkan harta benda awam tersebut.

**iv. Berilmu**

- Taman Fikrah

Kemudahan Masyarakat yang disediakan mampu berperanan sebagai **Pusat Perkembangan ilmu** dan **tamadun** dengan pendekatan **pendidikan bersepadu** merangkumi masjid, sekolah, pusat pengajian dan perpustakaan dalam alam persekitaran yang asli dan kondusif.

**v. Kemesraan**

- Interaksi

Kemudahan-kemudahan masyarakat yang disediakan mestilah memupuk semangat **kemesraan** dan menggalakkan **interaksi** penduduk.

- Kompatibiliti

Perletakan dan rekabentuk sewajarnya boleh dimanfaatkan dan digunakan dengan selesa oleh setiap golongan masyarakat bagi mewujudkan mesra alam, mesra kanak-kanak dan sebagainya.

**vi. Keamanan dan Keselamatan**

- Meletakkan kemudahan masyarakat di lokasi yang bersesuaian untuk mewujudkan keamanan dan keselamatan.

**vii. Bersih dan Indah**

- Lengkap

Memastikan kawasan persekitaran kemudahan masyarakat berada dalam keadaan bersih, indah dan teratur dengan kemudahan asas dan awam yang mencukupi.

## 6.0 KEMUDAHAN KESIHATAN

Kemudahan kesihatan merangkumi **Hospital, Klinik Kesihatan** dan **Klinik Desa**. Kemudahan ini disediakan mengikut hierarki di peringkat negeri, daerah dan tempatan.

Dasar pelaksanaan kesihatan adalah untuk menggalakkan dan menjamin masyarakat sihat dari segi fizikal dan mental. Kemudahan kesihatan disediakan bertujuan untuk menyalurkan perkhidmatan pencegahan, rawatan dan pemulihan.

### 6.1 Garis Panduan Umum

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan umum disediakan yang merangkumi:

- Perancangan Tapak
- Keluasan dan Saiz Minimum Tapak
- Komponen Kemudahan Kesihatan
- Rekabentuk dan Susunatur
- Kemudahan Sokongan

#### 6.1.1 Perancangan Tapak

- i. Kemudahan kesihatan mestilah disediakan mencukupi mengikut hierarki iaitu:
  - a. Hospital - merangkumi hospital besar, hospital daerah dengan pakar dan hospital daerah tanpa pakar, disediakan di peringkat negeri dan daerah;
  - b. Klinik kesihatan disediakan di peringkat tempatan; dan
  - c. Klinik desa disediakan di peringkat penempatan kecil (kawasan luar bandar)
- ii. Perancangan jenis Kemudahan Kesihatan hendaklah mengikut kawasan dan tadahan penduduk seperti di jadual 6.2.
- iii. Perletakan kemudahan kesihatan perlulah sesuai, iaitu mudah sampai kepada penduduk dan mengambilkira kualiti alam sekeliling dan selamat kepada masyarakat;

- iv. Tapak kemudahan kesihatan mestilah dihubungi oleh rangkaian jalan dan berdekatan pusat pengangkutan awam;
- v. Lokasi Hospital tidak seharusnya di pusat bandar untuk mengelakkan kesesakan lalulintas;
- vi. Perletakan Hospital adalah tidak bersesuaian di kawasan yang terlalu bising dan ada pencemaran; dan
- vii. Perancangan tapak kemudahan kesihatan mestilah selaras dengan Cadangan dan Strategi Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

#### **6.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Saiz minimum kemudahan kesihatan berbeza mengikut hierarki (lihat jadual 6.2).
- ii. Saiz lot perlu mencukupi bagi menyediakan bangunan utama, tempat letak kenderaan, landskap dan kemudahan sokongan serta untuk pembesaran komponen.
- iii. Keluasan tapak kemudahan kesihatan perlu mencukupi dengan mengambilkira kawasan untuk perancangan aktiviti dan komponen yang diperlukan. (Lihat jadual 6.1)

#### **6.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Rekabentuk kemudahan kesihatan mestilah rekabentuk yang berfungsi sebagai pusat rawatan untuk semua golongan. Bangunan perlulah melambangkan kesejahteraan;
- ii. Rekabentuk seharusnya berasaskan susunan 'nuklias' yang mengambikira fungsi dan pergerakan antara bahagian untuk memastikan pergerakan pesakit dan pasukan pegawai perubatan tidak dihalang;
- iii. Rekabentuk juga perlu mengambilkira keperluan bagi rawatan kecemasan seperti laluan bagi kenderaan kes kecemasan;
- iv. Kemudahan kesihatan perlu direkabentuk dengan seni budaya tempatan yang bersih, teratur dan indah serta mewujudkan satu



**JADUAL 6.1 : KOMPONEN KEMUDAHAN KESIHATAN**

HOSPITAL	KLINIK KESIHATAN	KLINIK DESA
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilik Rawatan/Pemeriksaan dan Bilik Consultation</li> <li>• Bilik Pembedahan</li> <li>• Bilik X-ray</li> <li>• Makmal</li> <li>• Pusat Kecemasan</li> <li>• Farmasi</li> <li>• Tempat Pendaftaran dan Ruang Tamu</li> <li>• Wad Pesakit</li> <li>• Pusat Pemulihan (Day Care)</li> <li>• Nursery</li> <li>• Kantin/Cafeteria</li> <li>• Mortuary (Rumah Mayat)</li> <li>• Dapur</li> <li>• Bilik Laundry</li> <li>• Bilik Rehat</li> <li>• Surau</li> <li>• Bilik Utiliti dan Perkhidmatan</li> <li>• Bilik Air dan Tandas</li> <li>• Tempat Riadah/Ruang Landskap</li> <li>• Tempat Letak Kereta</li> <li>• Tempat Menunggu/Pick-up Point</li> <li>• 10% Kawasan Untuk Tanah Lapang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilik Rawatan/Pemeriksaan dan bilik Consultation</li> <li>• Tempat Pendaftaran dan Bilik Tamu</li> <li>• Bilik X-ray</li> <li>• Makmal</li> <li>• Farmasi</li> <li>• Bilik Rehat</li> <li>• Bilik Utiliti dan Perkhidmatan</li> <li>• Bilik Air dan Tandas</li> <li>• Tempat Sembahyang</li> <li>• Tempat Riadah/Ruang Landskap</li> <li>• Tempat Letak Kereta</li> <li>• Tempat Menunggu/ 'Pick-up point'</li> <li>• Pusat Pemulihan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilik Rawatan/Pemeriksaan</li> <li>• Farmasi</li> <li>• Tempat Pendaftaran dan Ruang Tamu</li> <li>• Bilik Utiliti dan Perkhidmatan</li> <li>• Bilik Air dan Tandas</li> <li>• Bilik Rehat</li> <li>• Tempat Sembahyang</li> <li>• Tempat Riadah dan Ruang Landskap</li> <li>• Tempat Letak Kereta</li> </ul>

taman masyarakat (community garden);

- v. Sirkulasi bagi kemudahan ini hendaklah lancar dan teratur serta mempunyai lintasan laluan pejalan kaki yang selamat dan mengambilkira orang kurang upaya, orang tua dan kanak-kanak;
- vi. Susunatur kemudahan ini perlu menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi dan tempat letak kereta khas untuk golongan kurang upaya ditempatkan di lokasi yang bersesuaian;
- vii. Rekabentuk bangunan hendaklah memastikan pengedaran udara yang bebas dan bahan binaan bangunan untuk dinding dan lantai hendaklah menggunakan jenis yang mudah dibersihkan dan mengikut tahap 'hygiene';
- viii. Mempunyai ruang 'exit' yang selamat jika berlaku kebakaran.
- ix. Rekabentuk dan susunatur kemudahan ini perlu mengambilkira kemudahan kepada golongan kurang upaya seperti menyediakan laluan khas 'ramp'; dan
- x. Rekabentuk bangunan untuk hospital swasta hendaklah mengikut keperluan 'Private Hospital Act (Act 43)' 1971.

#### **6.1.4 Kemudahan Sokongan**

- i. Penyediaan kemudahan tempat persinggahan dan ruang rehat pelawat dan orang yang terlibat menjaga pesakit adalah digalakkan;
- ii. Kemudahan kesihatan perlu menyediakan ruang atau taman untuk beriadah yang berkonsepkan laman untuk bersiar-siar dalam kawasan yang selamat;
- iii. Kiosk keperluan harian dan pusat maklumat perlu disediakan untuk memberi kemudahan kepada pesakit dan pelawat;
- iv. Kemudahan kesihatan perlu menyediakan pusat rawatan ibu dan kanak-kanak yang tersusun dan kemudahan 'telemedicine' bagi penduduk terpencil;

- v. Kemudahan kesihatan mestilah mempunyai infrastruktur sokongan seperti bekalan air, elektrik, telekomunikasi kemudahan 'cyber' dan lain-lain; dan
- vi. Kemudahan kesihatan perlu dilandskap untuk mengindahkan persekitaran dan memberi suasana yang ceria dan nyaman kepada pesakit dan pelawat.

## **6.2 Piawaian**

### **6.2.1 Hospital**

#### **i) Kawasan Tadahan**

Satu (1) Hospital Besar disediakan di setiap negeri.

Satu (1) Hospital Daerah disediakan di setiap daerah dengan penduduk minimum 38,000 hingga 375,000 penduduk.

Terdapat 2 jenis Hospital Daerah iaitu: Hospital mempunyai pakar dan Hospital tanpa pakar.

#### **ii) Keluasan Minimum Tapak**

Keluasan minimum tapak bergantung kepada jenis hospital, iaitu 12 hektar untuk hospital 76 katil hingga 75 hektar untuk hospital 750 katil mengikut keupayaan dan keperluan.

#### **iii) Tempat Letak Kereta**

Satu petak setiap 5 katil atau 1 petak setiap 3 kakitangan pentadbiran dan teknikal atau 1 petak setiap kakitangan professional.

### **6.2.2 Klinik Kesihatan**

#### **i) Kawasan Tadahan**

Penduduk tadahan untuk klinik kesihatan ialah di antara 15,000 hingga 20,000 penduduk.

Terdapat 3 jenis klinik kesihatan:

- Jenis I untuk 800 hingga 1,000 pesakit sehari

- Jenis II untuk 500 hingga 800 pesakit sehari
- Jenis III untuk kurang dari 500 pesakit sehari

Klinik pergigian disediakan bersama dengan setiap klinik kesihatan.

**ii) Keluasan Minimum Tapak**

Keluasan minimum tapak bagi setiap klinik kesihatan ialah 2 hektar atau 5 ekar.

**iii) Tempat Letak Kereta**

Satu (1) petak setiap 3 kakitangan pentadbiran dan teknikal,

Satu (1) petak setiap kakitangan profesional.

**6.2.3 Klinik Desa**

**i) Kawasan Tadahan**

Penduduk tadahan untuk Klinik Desa di antara 4,000 hingga 5,000 penduduk. Klinik Desa disediakan di kawasan luar bandar.

**ii) Keluasan Minimum Tapak**

Keluasan minimum tapak bagi setiap Klinik Desa ialah 0.2 hektar atau 0.5 ekar

**iii) Tempat Letak Kereta**

Satu (1) petak setiap 3 kakitangan pentadbiran dan teknikal,

Satu (1) petak setiap kakitangan profesional.


Piawai perancangan kemudahan kesihatan mengikut hierarki adalah seperti di jadual 6.2

**JADUAL 6.2 : PIAWAIAN KEMUDAHAN KESIHATAN**

Bil	Jenis	Jumlah Penduduk	Keluasan hektar/ekar
1.	Klinik Desa	4000-5000	0,2/0,5
2.	Klinik Kesihatan- Jenis I,II dan III	15,000-20,000	2,0/5,0
3.	Hospital:		
	750 katil	375,000	30,0/75,0
	250 katil	125,000	18,0/45,0
	100 katil	50,000	12,0/30,0
	76 katil	38,000	12,0/30,0
4.	Klinik Pergigian	Tiap-tiap Klinik Kesihatan	-
5.	Institut Telemedic	Mengikut keperluan	-
6.	Hospital Rujukan (Referral Hospital)	Mengikut keperluan	-

Sumber: Kementerian Kesihatan 1998

**RAJAH 5.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR HOSPITAL**



## **7.0 KEMUDAHAN PENDIDIKAN**

Kemudahan pendidikan merangkumi Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika), Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Sinar, Sekolah Vokasional, Teknik dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Di antara kemudahan ini, tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah perlu disediakan di peringkat tempatan.

Dasar Jabatan Pendidikan mengenai penyediaan kemudahan pendidikan adalah seperti berikut:

- i. Menggalakkan pelajar-pelajar menghadiri sekolah yang terdekat dengan tempat tinggal;
- ii. Sekolah-sekolah menjalankan 1 sesi persekolahan sahaja; dan
- iii. Saiz kelas adalah untuk 35 pelajar dan 25 murid bagi Tadika.

Jabatan dan Institusi yang bertanggungjawab di dalam penyediaan kemudahan pendidikan ialah Jabatan Pendidikan, Jabatan Kemajuan Masyarakat dan Pihak Swasta.

### **7.1 Garis Panduan Umum**

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan disediakan yang merangkumi:

- Perancangan Tapak
- Keluasan Minimum Tapak
- Rekabentuk dan Susunatur
- Komponen Kemudahan Pendidikan
- Kemudahan Sokongan

#### **7.1.1 Perancangan Tapak**

- i. Perancangan Kemudahan Pendidikan mengikut hierarki adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk, lokasi, keluasan minimum dan keadaan tapak serta bilangan kemudahan yang minimum;
- ii. Kemudahan pendidikan (seperti sekolah) seharusnya

terletak dalam jarak yang optimum dengan kawasan penduduk tadahan (berhampiran kawasan perumahan) supaya pelajar tidak memerlukan jarak perjalanan yang jauh untuk mendapatkan kemudahan ini:

- iii. Tapak sekolah tidak sesuai diletakkan di kawasan paya, berbukit, kawasan dilanda banjir atau kawasan mengalami risiko hakisan tanah serta tanah runtuh;
- iv. Kemudahan pendidikan perlulah di lokasi yang lebih kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran, jauh dari kawasan industri dan mempunyai pemisah yang cukup dari gunatanah yang tidak sesuai seperti lebuh raya dan sebagainya;
- v. Sekolah tidak sepatutnya terletak di sepanjang atau berhampiran jalan utama seperti jalan saraf dan jalan 'collector' utama bagi mengelakkan kesesakan dan mengutamakan keselamatan. Sekolah hendaklah diletakkan di sepanjang jalan yang kurang lalulintas iaitu laluan terus (through access) atau jalan-jalan 'collector' kecil (minor roads);
- vi. Sekolah hendaklah diletakkan berhampiran dengan perkhidmatan kemudahan-kemudahan awam yang lain seperti perkhidmatan bas awam;
- vii. Sekolah tidak sepatutnya diletakkan di tapak yang melibatkan perjalanan melalui lorong-lorong yang sunyi atau terpencil;
- viii. Tapak yang mempunyai ciri fizikal yang baik contohnya, padang permainan hendaklah mempunyai saliran yang baik agar dapat berfungsi;
- ix. Tapak sekolah hendaklah berasingan dengan tapak rumah pangsa tetapi jaraknya berhampiran dari unit kediaman;
- x. Tapak tadika boleh diintegrasikan dengan balai raya atau kemudahan beribadat seperti masjid atau surau. Ia boleh ditempatkan di kompleks pejabat; dan
- xî. Perancangan tapak kemudahan pendidikan mestilah selaras dengan cadangan dan Strategi Pembangunan dalam Rancangan

Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

### **7.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Keluasan tapak kemudahan pendidikan mestilah mencukupi untuk menampung pembesaran akan datang.
- ii. Keluasan tapak sekolah adalah bergantung kepada keadaan topografi tapak. Bagi kawasan agak berbukit atau bercerun landai keluasan sekolah perlu lebih luas sekurang-kurangnya 0.8 - 1.2 hektar (2-3 ekar). Penyediaan kelas dan sesi persekolahan juga mempengaruhi keluasan sekolah; dan
- iii. Keluasan minimum tapak sekolah di kawasan bandar boleh dikecilkan mengikut keperluan sekolah yang hendak dibangunkan.

### **7.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Rekabentuk Kemudahan pendidikan mestilah rekabentuk yang berfungsi dan mempunyai ciri-ciri keselamatan;
- ii. Rekabentuk bangunan seharusnya yang membolehkan penggunaan teknologi maklumat seranta dan mempunyai daya tahanan dengan kos yang efektif dan penyelenggaraan minimum;
- iii. Rekabentuk bangunan Sekolah Sinar mestilah mengambilkira faktor fleksibiliti penggunaan ruang dalaman dan persekitaran sekolah supaya selaras dengan kehendak sekolah sinar;
- iv. Kemudahan pendidikan mestilah mempunyai rekabentuk yang boleh mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk proses pembelajaran dan pengajaran; dan
- v. Rekabentuk dan susunan sekolah hendaklah yang mengikut garis kontor dan bentuk muka bumi yang disesuaikan dengan perancangan landskap.
- vi. Rekabentuk dan susunan sekolah mengambilkira komponen berikut:



- a) Pejabat Pentadbiran dan Pengetua;
  - b) Bilik Guru;
  - c) Perpustakaan;
  - d) Bengkel dan Bilik Makmal;
  - e) Kantin;
  - f) Dewan;
  - g) Padang/Padang Bola Sepak/Laman Bola Jaring;
  - h) Gelanggang Permainan;
  - i) Bilik Air dan Tandas;
  - j) Pondok Pengawal;
  - k) Tempat Pembuangan Sampah;
  - l) Tempat Letak Kereta, Bangsal Basikal dan Motorsikal;
  - m) 'Lay-by' Untuk Bas;
  - n) Laluan Pejalan Kaki;
  - o) Surau/Bilik Sembahyang; dan
  - p) Menara Tangki Air dan Pencawang Elektrik (Jika Perlu).
- vii. Susunatur pelan sekolah boleh dibahagikan kepada 4 zon utama mengikut fungsi ruang iaitu:
- a) Zon Pentadbiran
  - b) Zon Akademik
  - c) Zon Kediaman
  - d) Zon Rekreasi

#### **7.1.4 Sistem Perhubungan dan Kemudahan Sokongan**

- i. Sistem Perhubungan bagi kemudahan pendidikan mestilah teratur dan selamat kepada pengguna seperti kanak-kanak sekolah;

- ii. Laluan bas dan kenderaan ibu-bapa dengan lalulintas utama mestilah diasingkan melalui pendekatan seperti berikut:
  - a. Menyediakan lorong khas bas sekolah dan perhentian bas;
  - b. Menyediakan laluan sehalu; dan
  - c. Menyediakan beberapa laluan jalan keluar.
- iii. 'Lay-by' untuk bas di luar kawasan sekolah dan tempat menunggu bas berbumbung perlu disediakan;
- iv. Tempat Letak Kenderaan mestilah mencukupi mengikut nisbah pelajar, kakitangan dan pelawat; dan
- v. Kawasan Kemudahan Pendidikan perlu dilandskap dengan pokok-pokok yang bersesuaian, menarik dan senang diselenggara bagi mewujudkan sekolah yang ceria.

## 7.2 Piawaian

### 7.2.1 Taman Didikan Kanak-Kanak (Tadika)/Taska

- i. Kawasan Tadahan
  - a. Tadika perlu disediakan di setiap kawasan penempatan iaitu satu (1) Tadika bagi setiap unit perumahan (2,500 penduduk);
  - b. Lokasi Tadika dengan kawasan kediaman adalah dalam jarak berjalan kaki 0.2 km hingga 0.4 km ( $\frac{1}{8}$  hingga  $\frac{1}{4}$  batu) atau 5 minit masa berjalan kaki;
  - c. Taska hendaklah disediakan mengikut permintaan tempatan di mana yang perlu; dan
  - d. Lokasi Taska boleh ditempatkan di kawasan perumahan atau kompleks pejabat.
- ii. Luas Kawasan  
 Keluasan minimum yang diperlukan ialah 740 meter persegi (8,000 kaki persegi).

iii. Saiz

Saiz maksimum sebuah kelas - 25 murid/kelas

Jumlah kelas di sebuah Tadika - 4 kelas

iv. Kelengkapan Tambahan

Tadika perlu dilengkapi dengan beberapa kelengkapan termasuk tempat bermain dan persekitaran yang sesuai untuk belajar menggunakan alat-alat permainan.

### 7.2.2 Sekolah Rendah

i. Kawasan Tadahan

a. Keperluan sekolah rendah adalah bergantung kepada jumlah kumpulan umur bersekolah sesuatu kawasan penempatan atau sekurang-kurangnya satu (1) sekolah bagi satu unit kejiiran (3,000-7,500 penduduk) atau 420-1,050 pelajar; dan

b. Jarak sekolah rendah dengan kawasan penempatan hendaklah dalam jarak berjalan kaki 0.4 km hingga 0.8 km ( $\frac{1}{4}$  hingga  $\frac{1}{2}$  batu) atau 10 minit berjalan kaki.

ii. Luas Kawasan

Luas Kawasan yang diperlukan bagi sesebuah sekolah rendah ialah 2-4 hektar atau 5-10 ekar (2 hektar untuk kawasan rata, 3 hektar untuk kawasan berbukit dengan ketinggian tidak melebihi 60 meter (200 kaki) dan kecerunan tidak melebihi 10 darjah. (Rujuk Jadual 6.1 dan Jadual 6.2).

iii. Saiz minimum sebuah kelas ialah 35 pelajar/kelas.

### 7.2.3 Sekolah Menengah

i. Kawasan Tadahan

a. Dalam jarak berjalan kaki 0.8 km hingga 1.6 km ( $\frac{1}{2}$ -1 batu) atau 20 minit berjalan kaki; dan

b. Satu (1) sekolah menengah bagi setiap 2 atau 3 unit

kejiranan atau 4 kawasan perumahan (10 peratus penduduk kawasan dalam peringkat umur sekolah menengah) atau 1,000 pelajar.

ii. Saiz Sekolah

Sepatutnya tidak melebihi 1260 pelajar/sekolah untuk minimum 9,000 penduduk.

iii. Saiz Kelas

35 pelajar/kelas untuk 1 sesi persekolahan.

iv. Luas Kawasan

Luas kawasan minimum yang diperlukan bagi setiap sekolah menengah ialah 3.2-6 hektar (8-15 ekar) (rujuk Jadual 5.1 dan Jadual 5.2). Keluasan minimum 3 hektar untuk kawasan tanah rata dan 4 hektar untuk kawasan berbukit dengan ketinggian tidak melebihi 200 kaki dan kecerunan tidak melebihi 10 darjah.

#### **7.2.4 Sekolah Sinar (rekabentuk sepadu)**

Sekolah sinar merupakan sekolah kategori A iaitu 30 bilik darjah bagi sekolah rendah dan 36 bilik darjah bagi sekolah menengah dan hanya terdapat di bandar besar. Rekabentuk sekolah ini menggunakan rekabentuk padu yang menyatukan sekolah rendah dan sekolah menengah di dalam satu tapak dengan tujuan menjimatkan ruang dan kos, terutamanya di kawasan yang kekurangan tanah. Penjimatan keluasan tapak adalah lebih kurang 50 peratus. Di dalam konsep ini keluasan minimum bagi sekolah ini hendaklah melebihi minimum sekolah menengah 4-6 hektar.


Piawai kemudahan pendidikan adalah seperti di Jadual 7.1 dan 7.2.

**JADUAL 7.1 : KEPERLUAN KELUASAN TAPAK**

Bil	Jenis Sekolah	Keluasan Tapak	
		Tanah Rata Hektar/(ekar)	Berbukit Dan Becerun Landai Hektar/(ekar)
1.	Sekolah Rendah	2-3 (5-8)	3-4 (8-10)
2.	Sekolah Menengah	3-5 (8-12)	4-6 (10-15)
3.	Sekolah Rendah/Menengah (Berkongsi)/Sinar	4-5 (10-13)	6-8 (16-20)
4.	Sekolah Menengah Teknik	8-10 (20-25)	10-14 (25-35)
5.	Sekolah Menengah Berasrama Penuh	14-16 (35-40)	16-18 (40-45)
6.	Politeknik Maktab Perguruan	32-40 (80-100)	40-48 (100-120)

Sumber: "Garis Panduan Untuk Pemilihan Tapak Projek-projek Pendidikan" oleh Bahagian Pembangunan Penswastaan dan Bekalan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 9 Januari 1997.


**RAJAH 7.1 : LOKASI DAN JARAK SEKOLAH DARI RUMAH**




**JADUAL 7.2 : PIAWAIAN KEMUDAHAN PENDIDIKAN**

JENIS-JENIS KEMUDAHAN PENDIDIKAN	PIAWAIAN PENDUDUK	KELUASAN KAWASAN	JARAK/MASA PERJALANAN	SAIZ MAKSIMUM	TEMPAT/LETAK KENDERAAN
Tadika/Taska	2,500 penduduk	740 meter persegi atau 8000 kaki persegi	0.2km-0.4km 1/8-1/2 batu 5 minit	60 murid/tadika 4 kelas	1 petak/3 kakitangan 1 petak/10 pelajar
Sekolah Rendah (12 B. darjah) Sekolah Rendah (24 B. darjah) Sekolah Rendah (30 B.darjah)	3,000 penduduk 6,000 penduduk 7,500 penduduk	2.0-4.0 hektar atau 5-10 ekar	0.4km-0.8km 1/4-3/4 batu 10 minit	35 pelajar/kelas	1 petak/2 kakitangan 1petak/20 kakitangan
Sekolah Menengah Sekolah Menengah Agama Sekolah Menengah Swasta	Melebihi 9,000 penduduk 1 sekolah bagi 2 atau 3 unit kejiranan	3.0-6.0 hektar atau 8-15 ekar	0.8km-1.6km 3/4-1 batu 20 minit	35 pelajar/kelas	1 petak/2 kakitangan 1 petak/20 pelajar 1 petak motosikal/10 pelajar
Sekolah Menengah Teknik Sekolah Menengah Vokasional Sekolah Menengah Berasrama Penuh/Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	Peringkat Daerah/ Negeri	8.0-14 hektar atau 20-35 ekar  14.0-18.0 hektar atau 35-45 ekar	Mempunyai Pengangkutan Awam	35 pelajar/kelas	1 petak/2 kakitangan 1 petak/20 pelajar 1 petak motosikal 10 pelajar
Kolej dan Institut Pengajian Tinggi/Politeknik	Peringkat Wilayah Persekutuan	8.0-40 hektar atau 20 ekar-100 ekar	Mempunyai Pengangkutan awam (LRT/MRT/ERL) 30 minit-1 jam)	35-60 pelajar/kelas	1 petak/2 kakitangan 1 petak/ 20 pelajar 1 petak motosikal/5 pelajar dan 10% dari jumlah untuk pelawat

## RAJAH 7.2 : JARAK ANTARA KEMUDAHAN PENDIDIKAN DENGAN KEDIAMAN



RAJAH 7.3 : CONTOH PELAN SUSUNATUR TADIKA




RAJAH 7.4 : CONTOH PELAN SUSUNATUR SEKOLAH





RAJAH 7.5 : CONTOH PELAN SUSUNATUR SEKOLAH SINAR



## 8.0 KEMUDAHAN POLIS

Kemudahan Perkhidmatan Polis merupakan salah satu dari kemudahan keselamatan yang penting yang disalurkan melalui ibu pejabat polis kontijen, ibu pejabat polis daerah, balai polis bandar dan pondok polis.

Penubuhan kemudahan polis adalah berdasarkan kepada fungsi dan hierarki dengan mengutamakan kepentingan faktor keselamatan masyarakat setempat. Perancangan kemudahan ini juga mengambilkira faktor kadar dan tren jenayah bagi sesuatu kawasan.

### 8.1 Garis Panduan Umum

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan umum disediakan yang merangkumi:

- Perancangan Tapak;
- Keluasan Minimum Tapak;
- Rekabentuk dan Susunatur; dan
- Komponen Balai Polis.

#### 8.1.1 Perancangan Tapak

- i. Perancangan tapak kemudahan perkhidmatan polis adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk, hierarki perbandaran dan hierarki kemudahan polis seperti berikut:
  - a. Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK);
  - b. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD);
  - c. Balai Polis Bandar; dan
  - d. Pondok Polis.
- ii. Lokasi kemudahan polis hendaklah di tempat yang strategik dan mudah sampai iaitu dihubungi oleh jalan utama; dan
- iii. Perancangan tapak kemudahan polis mestilah selaras dengan Cadangan dan Strategik Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

### **8.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Keluasan kemudahan polis hendaklah berasaskan aktiviti dan fungsi yang dijalankan;
- ii. Keluasan kemudahan polis hendaklah mengambilkira komponen utama yang perlu ada (rujuk Jadual 8.1); dan
- iii. Keluasan kemudahan polis mestilah mencukupi untuk tujuan pembesaran akan datang.

### **8.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Susunatur kemudahan polis penting mengambilkira faktor laluan keluar - masuk tanpa halangan di mana perkhidmatan yang diberikan adalah berkaitan dengan keselamatan;
- ii. Rekabentuk bangunan polis mestilah mengambilkira faktor keselamatan rekod dan kawalan keselamatan seperti mempunyai jalan masuk dan laluan berasingan untuk orang awam;
- iii. Rekabentuk kemudahan polis hendaklah mengutamakan fungsi dan penyelenggaraan yang mudah;
- iv. Rekabentuk dan pelan susunatur mengambilkira pergerakan di antara komponen atau aktiviti utama seperti di Jadual 8.1;
- v. Rekabentuk mestilah melambangkan kebudayaan tempatan dan identiti polis; dan
- vi. Bangunan polis hendaklah menggunakan bahan yang mempunyai daya tahan dan sesuai dengan iklim tempatan.

**JADUAL 8.1 : KOMPONEN UTAMA BALAI POLIS**

Ibu Pejabat Polis Kontinjen 6.0-8.0 hektar (15-20 ekar)	Ibu Pejabat Polis Daerah 4.0-6.0 hektar (10 ekar-15 ekar)	Balai Polis Bandar 2.0-4.0 hektar (5-10 ekar)	Pondok Polis 0.8 hektar (2 ekar)
a. Pejabat Ketua Polis b. Cawangan Pentadbiran c. Bilik Gerakan d. Cawangan Kewangan/ Pembangunan e. Jabatan Siasatan Jenayah f. Jabatan Cawangan Khas g. Lojistik (Cawangan Komunikasi, Cawangan Kenderaan, Setor- Bekalan dan Cawangan Senjata) h. Kemudahan Keselamatan i. Kemudahan latihan/ persendirian j. Rumah Kediaman k. Tempat letak kereta l. Surau m. Ruang Landskap	a. Bangunan Ibu Pejabat Pejabat b. Bangunan Balai c. Garaj d. Kemudahan sukan e. Kemudahan keselamatan f. Bilik jentera g. Pejabat kenderaan/ hengkel h. Rumah kediaman i. Berek bujang j. Tempat letak kereta k. Surau l. Ruang landskap	a. Bangunan Balai b. Garaj c. Rumah kediaman/ kuarters d. Padang permainan e. Kemudahan keselamatan f. Berek bujang (jika perlu) g. Tempat letak kereta h. Surau i. Ruang landskap	a. Pejabat Pertanyaan b. Bilik maklumat/bilik mesyuarat c. Rumah kediaman/ kuarters d. Kemudahan keselamatan e. Rumah jentera f. Tempat letak kereta


## 8.2 Piawaian

Piawaian bagi kemudahan polis yang merangkumi tadahan dan keluasan minimum tapak adalah seperti di Jadual 8.2.

**JADUAL 8.2 : PIAWAIAN KEMUDAHAN POLIS**

Bil	Jenis	Penduduk Tadahan	Keluasan Kawasan (hektar/ekar)
1.	Ibu Pejabat Polis Kontinjen	Diperlukan bagi setiap Ibu Negeri	6-8 hektar /15-20 ekar
2.	Ibu Pejabat Polis Daerah	Diperlukan bagi setiap Daerah	4-6 hektar/10-15 ekar
3.	Balai Polis Bandar	10,000-15,000	2-4 hektar/5-10 ekar
4.	Pondok Polis	5,000-10,000	0.8 hektar/2 ekar

RAJAH 8.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR BALAI POLIS BANDAR



## 9.0 KEMUDAHAN BOMBA DAN PENYELAMAT

Perkhidmatan Bomba disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Fungsi dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berdasarkan peruntukan Akta Perkhidmatan Bomba 1998 (Akta 341). Penyediaan Perkhidmatan Bomba di peringkat negeri dan daerah disalurkan melalui balai-balai bomba 3 bay dan 2 bay. Perkhidmatan yang disediakan ialah khidmat kebombaanan dan penyelamatan kepada masyarakat.

### 9.1 Garis Panduan Umum

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan umum disediakan yang merangkumi:

- Perancangan Tapak;
- Keluasan Minimum Tapak;
- Rekabentuk dan Susunatur; dan
- Komponen Balai Bomba.

### 9.1.1 Perancangan Tapak

- i. Perancangan Tapak kemudahan bomba hendaklah berdasarkan fungsi dan hierarki perbandaran dan hierarki kemudahan ini seperti berikut:
  - a. Balai Bomba 2 bay (balai 2 petak dengan 2 keluaran jentera atau lebih); dan
  - b. Balai Bomba 3 bay (balai 3 petak dengan 6 keluaran jentera atau lebih).
- ii. Perancangan tapak kemudahan bomba juga berdasarkan kadar pembangunan sesuatu kawasan : bagi daerah yang besar sepatutnya mempunyai lebih dari satu balai cawangan;
- iii. Tapak balai bomba perlu ditempatkan di lokasi yang strategik dan ideal supaya perlindungan kebakaran dapat diberikan secara optimum;
- iv. Lokasi kemudahan ini tidak sesuai berhampiran dengan sekolah, stadium, dewan orang ramai dan lain-lain tempat perhimpunan;
- v. Tapak kemudahan ini tidak sepatutnya di kawasan rendah seperti berhampiran sungai;
- vi. Perancangan tapak kemudahan bomba hendaklah mengutamakan faktor keselamatan iaitu tapak mestilah mempunyai laluan khas keluar masuk kenderaan bomba yang tidak mewujudkan bahaya kepada pengguna jalanraya terutama kanak-kanak dan murid sekolah; dan
- vii. Perancangan tapak kemudahan bomba mestilah selaras dengan Cadangan dan Strategi Pembangunan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

### 9.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak

- i. Keluasan kemudahan bomba berdasarkan kepada hierarki Balai Bomba adalah seperti berikut:-
  - a. Balai Bomba 2 bay memerlukan 3 hingga 5 ekar; dan

- b. Balai Bomba 3 bay memerlukan 5 hingga 10 ekar.
- ii. Keluasan Kemudahan Bomba hendaklah mencukupi untuk merangkumi komponen berikut:
  - a. Bangunan Balai;
  - b. Padang Kawad;
  - c. 'Hose Tower';
  - d. Bangunan Rumah Asap;
  - e. Bangunan Dewan Serbaguna;
  - f. Bangunan Surau;
  - g. Bangunan Bengkel;
  - h. Rumah Kakitangan;
  - i. Padang Rekreasi;
  - j. Bangunan Persalinan Operasi;
  - k. Depot Minyak;
  - l. Bangunan Tempat Simpanan Barang-barang Kes Penguatkuasa;
  - m. Bangunan Simulasi dan Latihan;
  - n. Tempat letak Kereta; dan
  - o. Kawasan simpanan untuk tambahan projek bangunan akan datang.
- iii. Keluasan tapak mestilah mencukupi untuk pembangunan akan datang.

### **9.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Susunatur dan Rekabentuk bangunan kemudahan bomba mestilah teratur dan mempunyai jalan keluar yang cukup dari semua premis ditetapkan untuk memastikan tindakan dapat diambil dengan pantas sekiranya berlaku kebakaran;

- ii. Rekabentuk bangunan hendaklah mengutamakan fungsi dengan (mengambil kira hubungan antara komponen utama untuk memastikan) pergerakan yang cekap dan pantas;
- iii. Balai Bomba perlu dilandskapkan dengan landskap yang sesuai untuk mengindahkan kawasan sekeliling; dan
- iv. Rekabentuk hendaklah sesuai dengan iklim tempatan dengan menggunakan bahan binaan tempatan yang mempunyai daya tahan dan senang untuk diselenggarakan.

## **9.2 Piawaian**

Piawaian bagi Kemudahan Balai Bomba samada 2 petak atau 3 petak adalah berdasarkan kepada pengelasan risiko yang mengambil kira kepadatan penduduk, jenis gunatanah dan kategori bandar seperti di Jadual 9.1.



**JADUAL 9.1 : PIAWAIAN KEMUDAHAN BOMBA DAN PENYELAMAT**

<b>KELAS RISIKO</b>	<b>KRITERIA PERANCANGAN</b>	<b>KATEGORI BALAI</b>
KELAS 'A' Risiko Amat Tinggi	Penduduk melebihi 750,000; Risiko 'high rise' dan 'high risk'/Norma masa yang ideal tidak melebihi 7 minit.	Satu balai 3 petak (bay), dengan 6 atau lebih keluaran jentera,  10 buah atau lebih balai 2-petak (bay) sebagai balai cawangan dengan keluaran 2 atau lebih jentera.
KELAS 'B' Risiko Tinggi	Kepadatan penduduk melebihi 500,000 orang. Keluaran jentera perlu sampai dalam masa tidak 10 minit. Bandar-bandar bersaiz sederhana dan bandar yang mempunyai industri bersaiz sederhana besar.	Satu balai 3 petak (bay), dengan 6 keluaran jentera.  5 buah atau lebih balai 2 petak sebagai balai cawangan dengan keluaran 2 atau lebih jentera.
KELAS 'C' Risiko Sederhana	Kepadatan penduduk melebihi 200,000 orang. Kebanyakan bangunan 'low rise', tidak melebihi 5 tingkat. Keluaran jentera harus sampai dalam masa tidak lebih 15 minit.	Dua atau lebih balai 2 petak, dengan 2 keluaran jentera bagi setiap balai.
KELAS 'D' Risiko Rendah	Kepadatan penduduk kurang 200,000 orang. Keluaran jentera harus sampai dalam masa tidak lebih 20 minit.	Sekurang-kurangnya sebuah balai 2 petak dengan 2 keluaran jentera. Keperluan Balai Bomba juga bergantung kepada balai terdekat yang sedia ada. Jika balai terdekat akan mengambil masa melebihi 20 minit, mungkin 2 atau 3 buah balai diperlukan.

RAJAH 9.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR BALAI BOMBA



## 10.0 DEWAN ORANG RAMAI

Dewan orang ramai merupakan keperluan penting masyarakat sebagai tempat perjumpaan umum untuk tujuan sosial, politik, pembelajaran dan rekreasi. Ia juga berfungsi sebagai alat untuk memupuk semangat perpaduan dan kejiranan. Selain itu, dewan orang ramai digunakan sebagai pusat untuk melaksanakan perkhidmatan kerajaan seperti kempen kesihatan, aktiviti penerangan dan sebagainya.

Penyediaan dewan orang ramai adalah berdasarkan kepada fungsi, kepadatan penduduk dan jarak lingkungan kemudahan ini.

Terdapat 3 jenis dewan orang ramai (umum) iaitu balai raya, dewan orang ramai dan dewan serbaguna. Balai raya didapati di kawasan luar bandar manakala Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna didapati di kawasan bandar.

### 10.1 Garis Panduan Umum

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan umum disediakan yang merangkumi:

- Perancangan Tapak;
- Keluasan Minimum Tapak;
- Rekabentuk dan Susunatur; dan
- Komponen Dewan Orang Ramai.

#### **10.1.1 Perancangan Tapak**

- i. Perancangan tapak dewan orang ramai hendaklah berdasarkan kepada fungsi dan hierarki perbandaran seperti ibu negeri, daerah, pusat tempatan dan pusat pertumbuhan desa;
- ii. Lokasi dewan orang ramai perlulah ditempat yang mudah dikunjungi oleh penduduk setempat;
- iii. Dewan orang ramai sesuai ditempatkan berhampiran kemudahan masyarakat lain seperti surau, padang, pusat kesihatan dan sebagainya;
- iv. Kawasan yang mudahsampai dan dihubungi dengan pengangkutan awam;
- v. Lokasi dewan orang ramai mestilah tidak bercanggah dengan aktiviti gunatanah berdekatan; dan
- vi. Perancangan tapak kemudahan dewan orang ramai mestilah selaras dengan Cadangan dan Strategi Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

#### **10.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Keluasan tapak dewan orang ramai mestilah mencukupi untuk pembangunan akan datang.
- ii. Keluasan tapak dewan orang ramai adalah berdasarkan kepada jenis dan fungsi iaitu antara 0.1 hektar hingga 0.6 hektar; dan
- iii. Keluasan dewan orang ramai hendaklah mengambilkira ruang yang secukupnya untuk aktiviti-aktiviti tertentu seperti berikut:
  - a. kelas tadika;

- b. perpustakaan atau bilik bacaan;
  - c. kelas untuk orang dewasa;
  - d. majlis sosial seperti majlis perkahwinan;
  - e. bilik pameran; dan
  - f. bilik mesyuarat.
- iv. Keluasan kemudahan ini juga berkaitan dengan komponen utama dewan orang ramai yang akan disediakan seperti berikut:
- a. dewan;
  - b. pentas;
  - c. bilik persalinan;
  - d. pejabat;
  - e. stor;
  - f. tandas;
  - g. tempat letak kereta;
  - h. ruang landskap; dan
  - i) bilik sembahyang.

### **10.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Rekabentuk dewan orang ramai mestilah melambangkan budaya tempatan dengan menggunakan bahan binaan tempatan;
- ii. Rekabentuk kemudahan ini hendaklah sesuai dengan fungsi dan aktiviti yang akan dijalankan atau rekabentuk yang mudah dan fleksibel supaya boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti;
- iii. Rekabentuk dewan orang ramai juga seharusnya yang mudah diselenggara, sesuai dengan iklim tempatan dan menggunakan bahan binaan yang berdaya tahan;
- iv. Dewan orang ramai mestilah dilengkapi dengan kemudahan sokongan iaitu tempat letak kereta yang mencukupi dan

landskap yang memerlukan penyelenggaraan yang rendah; dan

- v. Rekabentuk bangunan dan struktur hendaklah mengikut garis kontor dan meminimumkan kerja 'potong dan tambak' serta berintegrasi dengan landskap semulajadi.

## 10.2 Piawaian

Piawaian bagi Balai Raya, Dewan Orang Ramai dan Dewan Serbaguna adalah seperti berikut:

### 10.2.1 Balai Raya

Balai raya didirikan di dalam kawasan kampung dan kawasan bandar untuk memenuhi kehendak kemasyarakatan. Ia berfungsi sebagai tempat berkumpul untuk masyarakat setempat mengadakan perjumpaan sosial.

Balai raya mengandungi sebuah dewan, setor, bilik sembahyang dan tandas. Ia memberi khidmat kepada gabungan 2 atau 3 kampung sementara di dalam kawasan bandar, ianya secara umumnya ditempatkan di kawasan perumahan kos rendah.

- i. Kawasan Tadahan
  - a) Satu (1) balai raya untuk 200-1000 orang di kawasan perkampungan atau 1 balai raya untuk 1000-3000 orang di kawasan bandar.
  - b) Jarak maksimum pejalan kaki: 400 meter ( $\frac{1}{2}$  batu) atau 10 minit. Masa maksimum memandu kereta 10 minit.
- ii. Keluasan Minimum Tapak  
0.1 hektar-0.4 hektar (0.2 ekar-1.0 ekar)
- iii. Saiz Bangunan  
Minimum 74.0 meter persegi (800 kaki persegi)

### 10.2.2 Dewan Orang Ramai

Dewan orang ramai memberi khidmat yang sama seperti balai raya.

saiznya adalah lebih besar untuk menampung tadahan penduduk yang lebih besar, selalunya sebuah mukim. Di kawasan bandar, ianya ditempatkan di dalam kawasan skim perumahan atau blok rumah pangsa tersebut. Ia mengandungi pentas, dewan dan gelanggang permainan dalaman kecuali permainan badminton kerana siling yang rendah. Lain-lain gelanggang permainan ditempatkan di luar bangunan.

i. Kawasan Tadahan

Satu (1) dewan orang ramai untuk 3,000-10,000 orang

ii. Jarak Perletakan

a) Jarak maksimum pejalan kaki: 800m ( $\frac{1}{2}$  batu) atau 15 minit.

b) Masa maksimum memandu kereta : 15 minit

iii. Keluasan Minimum Tapak

a) Saiz Lot

0.1 hektar-0.6 hektar (0.25-1.5 ekar)

b) Saiz Bangunan

185-1850 meter persegi (2,000-20,000 kaki persegi)

### 10.2.3 Dewan Serbaguna

Dewan Serbaguna dikenali juga sebagai dewan orang ramai tetapi saiznya adalah lebih besar dan dapat memuatkan gelanggang badminton.

i. Kawasan Tadahan

Satu (1) Dewan serbaguna untuk jumlah minimum penduduk seramai 10,000 orang.

ii. Faktor Jarak Perletakan

Jarak maksimum pejalan kaki: 800m ( $\frac{1}{2}$  batu) atau 15 minit.

Masa maksimum memandu kereta: 15 minit

**JADUAL 10.1 : PIAWAIAN DEWAN ORANG RAMAI**

Komponen	Ukuran Lot (Minimum)		
	Balai raya	Dewan Orang Ramai	Dewan Serbaguna
1. Dewan	7m x 11m (24 kaki x 36 kaki)	14m x 9.0m (48kaki x 32 kaki)	13.6mx19.0m (45 kakix62 kaki)
2. Pentas	-	7m x 3.6m (24 kaki x 12 kaki)	13.6m x 4.8m (45 kaki x 15.5 kaki)
3. *Bilik Persalinan	-	1.2m x 3.6m (4 kaki x 12 kaki)	4.4m x 4.6m (14.5 kaki x 15 kaki)
4. Stor	3m x 3m (10 kaki x 10 kaki)	2.4m x 3.6m (8 kaki x 12 kaki)	2.4m x 3m (8 kaki x 10 kaki)
5. *Bilik Air	-	1.3m x 2.3m (4.3 kaki x 7.5 kaki)	1.3m x 2.3m (4.3 kaki x 7.5 kaki)
6. Pejabat	2.4m x 3m (8 kaki x 10 kaki)	2.4m x 3.6m (8 kaki x 12 kaki)	4.6m x 4.8m (15 kaki x 15.5 kaki)
7. *Tandas	2.3m x 3.6m (7.5 kaki x 12 kaki)	2.3m x 3.6m (7.5 kaki x 12 kaki)	2.3m x 4.8m (7.5 kaki x 15.5 kaki)
8. Bilik Sembahyang	Saiz minimum sebuah bilik		
9. Ruang Landskap	Saiz yang bersesuaian mengikut luas		
Keluasan Lantai	74 meter persegi (800 kaki persegi)	185m per-1850m per (2,000 kaki per- 20,000 kaki per)	315 meter persegi (3,400 kaki persegi)
Keluasan Keseluruhan (Lot)	0.1 hektar-0.4 hektar (0.25 ekar-1.0 ekar)	0.1 hektar-0.6 hektar (0.25 ekar-1.5 ekar)	0.1 hektar-0.8 hektar (0.25 ekar- 2 ekar)

Nota: \*Disediakan 2-unit berasingan untuk lelaki dan wanita.


iii. Keluasan Minimum Tapak

Minimum 0.1 hektar (0.25 ekar)

iv. Saiz bangunan

Minimum 315 meter persegi (3,400 kaki persegi) berdasarkan piawaian rekabentuk bangunan oleh Jabatan Kerja Raya. Piawaian Perancangan Dewan Orang Ramai adalah seperti di Jadual 10.1.

**RAJAH 10.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR DEWAN ORANG RAMAI**



### 11.0 KEMUDAHAN KEBAJIKAN

Kemudahan kebajikan bertujuan memberi penjagaan, perlindungan dan pemulihan serta menjamin kumpulan tertentu seperti kanak-kanak, remaja, golongan kurang upaya, wargatua dan keluarga yang menghadapi masalah dan mangsa kegawatan sosial. Kemudahan ini perlu disediakan agar mereka tidak ketinggalan dalam menikmati kemakmuran yang sedang pesat membangun.



Kerajaan Malaysia telah menerima dan mengiktiraf Konvensyen Mengenai Hak Anak (Convention On The Right Of The Child) dan Proklamasi Penyertaan Penuh dan Persamaan Peluang Orang Kurang Upaya (Agenda Dekad Bagi Orang Kurang Upaya di Rantau Asia dan Pasifik 1993-2002). Oleh yang demikian adalah wajar kemudahan-kemudahan disediakan untuk menjamin kepentingan dan keperluan kanak-kanak, golongan orang kurang upaya dan wargatua.

Selaras dengan galakan penglibatan komuniti tempatan dalam usaha membantu menyelesaikan masalah sosial serta untuk mencapai satu masyarakat penyayang adalah wajar kemudahan kebajikan disediakan di peringkat komuniti. Strategi yang digunakan untuk menyediakan kemudahan ini adalah melalui pengkongsian bijak (smart partnership) di antara Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pihak Swasta serta Komuniti Tempatan Tersebut.

### **11.1 Garis Panduan Umum**

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan umum disediakan yang merangkumi:

- Perancangan Tapak;
- Keluasan Minimum Tapak; dan
- Rekabentuk dan Susunatur;

Garis Panduan Khusus, Piawaian dan Komponen disediakan untuk:

- i. Pusat Aktiviti Kanak-Kanak,
- ii. Pusat Harian Warga Tua,
- iii. Pusat Pemulihan Dalam Komuniti bagi Orang Kurang Upaya.

#### **11.1.1 Perancangan Tapak**

- i. Perancangan Kemudahan Kebajikan adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk kumpulan tertentu iaitu kanak-kanak, wargatua dan golongan kurang upaya di peringkat tempatan yang memerlukan perkhidmatan kebajikan;
- ii. Kemudahan perlu terletak berhampiran kawasan perumahan bagi memudahkan penglibatan komuniti dan juga mudah

sampai (accessibility) kepada kumpulan sasar yang memerlukan perkhidmatan;

- iii. Kemudahan ini tidak sepatutnya diletakkan di sepanjang atau berhampiran jalan utama untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan mengutamakan keselamatan kanak-kanak, wargatua dan orang kurang upaya;
- iv. Kemudahan perlu disediakan di kawasan yang boleh diwujudkan persekitaran mesra insan terutama kepada kanak-kanak, wargatua dan orang kurang upaya;
- v. Tapak yang mempunyai keluasan mencukupi untuk menampung pembesaran dan pembangunan akan datang; dan
- vi. Perancangan tapak Kemudahan Kebajikan mestilah selaras dengan Cadangan dan Strategi Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

#### **11.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Keluasan kemudahan kebajikan mestilah mencukupi selaras dengan piawaian yang terkandung dalam Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994;
- ii. Keluasan yang disediakan mengikut Akta Pusat Jagaan 1993 dan peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994 adalah seperti berikut:
  - a. Kanak-kanak - 3.5 meter persegi;  
(bawah umur sepuluh tahun)
  - b. Remaja - 3.5 meter persegi;
  - c. Wargatua - 3.0 meter persegi; dan
  - d. Golongan Kurang Upaya - 3.0 meter persegi.

#### **11.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Rekabentuk bangunan yang fleksibel, berfungsi, mempunyai senibina yang menarik dan mudah diselenggarakan;

- ii. Rekabentuk bangunan adalah yang menggalakkan pergerakan tanpa halangan (barrier-free) terutama untuk wargatua dan golongan kurang upaya;
- iii. Rekabentuk, susunatur bangunan dan bahan binaan mestilah yang mempunyai ciri-ciri keselamatan;
- iv. Lebar jalan masuk yang sesuai perlu disediakan bagi kegunaan laluan kenderaan jika berlaku kecemasan;
- v. Menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi;
- vi. Mempunyai padang permainan/riadah dan kawasan untuk aktiviti berkebun;
- vii. Persekitaran yang mesra insan termasuk menyediakan landskap yang bersesuaian;
- viii. Rekabentuk dan susunatur menyediakan tempat, ruang, untuk mengambil atau menurunkan penumpang berdekatan dengan pintu masuk bangunan;
- ix. Kawasan menunggu berbumbung dengan tempat duduk yang mencukupi yang mempunyai ruang pemandangan kenderaan masuk;
- x. Landskap laluan pejalan kaki dengan tanaman sekurang-kurangnya dengan ketinggian 0.8m (30 inci) supaya tidak menghadang pandangan (easy visibility); dan
- xi. Mengadakan ruang aktiviti luar dengan meja dan tempat duduk untuk menggalakkan aktiviti luar, berinteraksi dan berkumpul.

## **11.2 Garis Panduan Khusus**

Kemudahan Kebajikan yang perlu disediakan adalah berdasarkan kepada kumpulan sasaran (kanak-kanak, wargatua dan golongan orang kurang upaya) yang memerlukan perkhidmatan kemudahan ini bagi sesuatu kawasan perumahan.

### **11.2.1 Pusat Aktiviti Kanak-kanak**

Kemudahan ini adalah untuk memenuhi keperluan kanak-kanak dan

keluarga yang memerlukan perkhidmatan sokongan perlindungan kanak-kanak. Melalui pusat ini, Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dapat mengadakan aktiviti-aktiviti perkembangan kanak-kanak pra-sekolah dan sekolah, kegiatan kreatif dan rekreasi. Pusat ini juga boleh memberi sokongan kepada keluarga yang menghadapi masalah kanak-kanak bagi membantu dan mencegah masalah sosial seperti penganiayaan, pengabaian, kerosakan akhlak, ponteng sekolah dan lain-lain.

### **11.2.2 Pusat Harian Warga tua**

Pusat ini adalah untuk memberi kemudahan sokongan dalam komuniti bagi warga tua yang sering diabaikan atau ditinggalkan keseorangan ketika ahli keluarga keluar bekerja. Pusat ini boleh menjalankan aktiviti bagi memajukan potensi warga tua agar mereka terus aktif dan produktif serta memberi peluang mereka berinteraksi dan saling bantu-membantu bukan sahaja di antara mereka tetapi juga kepada masyarakat.

### **11.2.3 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti**

Kemudahan ini adalah untuk memulih orang kurang upaya dengan bantuan dan penglibatan keluarga dan komuniti tempatan untuk berfungsi menjalankan aktiviti harian kerana sebahagian besar orang kurang upaya tidak memerlukan rawatan pemulihan sepenuh masa di institusi. Pemulihan dalam komuniti menekankan penglibatan aktif ibu-bapa, keluarga dan komuniti tempatan terhadap usaha mencegah berlakunya kurang keupayaan dan memulihkan orang kurang upaya khususnya di peringkat tempatan.

## **11.3 Piawaian**


Kriteria perancangan serta lokasi untuk kemudahan tertentu adalah berdasarkan keperluan tempatan yang mempunyai risiko tinggi seperti kadar jenayah juvena, dan keganasan dalam keluarga.

Piawaian Kemudahan Kebajikan bagi Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Pusat Harian Warga tua dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti adalah seperti di Jadual 11.1.

**JADUAL 11.1 : PIAWAIAAN KEMUDAHAN KEBAJIKAN**

KOMPONEN	UKURAN MINIMUM KESELURUHAN	KELUASAN
<p>a. Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAK) (30 kanak-kanak)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ruang Aktiviti (3.5 meter persegi seorang);</li> <li>ii. Bilik Bacaan;</li> <li>iii. Bilik Rehat/Riadah;</li> <li>iv. Pejabat (5 orang) dan Stor;</li> <li>v. Bilik Serbaguna;</li> <li>vi. Bilik Sembahyang (2);</li> <li>vii. Dapur;</li> <li>viii. Tandas (2);</li> <li>ix. Padang Permainan/Riadah; dan</li> <li>x. Tempat Letak Kereta.</li> </ul>	<p>105 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>49 Meter persegi</p> <p>100 meter persegi</p> <p>36 meter persegi</p> <p>9 meter persegi</p> <p>9 meter persegi</p> <p>100 meter persegi</p> <p>(yang bersesuaian)</p>	<p>0.2 hektar</p>
<p>b. Pusat Harian Warga tua (30 Warga tua)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ruang Aktiviti (3.0 meter persegi seorang);</li> <li>ii. Bilik Bacaan;</li> <li>iii. Bilik Rehat/Riadah;</li> <li>iv. Pejabat (5 orang) dan Stor;</li> <li>v. Bilik Bacaan;</li> <li>vi. Bilik Sembahyang (2);</li> <li>vii. Dapur dan Dewan Makan;</li> <li>viii. Tandas (2);</li> <li>ix. Padang Permainan/Riadah; dan</li> <li>x. Tempat letak kereta.</li> </ul>	<p>90 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>100 meter persegi</p> <p>36 meter persegi</p> <p>75 meter persegi</p> <p>9 meter persegi</p> <p>100 meter persegi</p> <p>(yang bersesuaian)</p>	<p>0.3 hektar hingga 0.5 hektar</p>
<p>c. Pusat pemulihan Dalam Komuniti (30 Orang Kurang Upaya)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Ruang aktiviti (3.0 meter persegi seorang);</li> <li>ii. Bilik Rehat/Riadah;</li> <li>iii. Pejabat (5 orang) dan Stor;</li> <li>iv. Bilik Bacaan;</li> <li>v. Bilik Sembahyang (2);</li> <li>vi. Dapur dan Dewan Makan;</li> <li>vii. Tandas (2);</li> <li>viii. Padang Permainan/Riadah; dan</li> <li>ix. Tempat Letak Kereta.</li> </ul>	<p>90 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>49 meter persegi</p> <p>100 meter persegi</p> <p>36 meter persegi</p> <p>75 meter persegi</p> <p>9 meter persegi</p> <p>100 meter persegi</p> <p>(yang bersesuaian)</p>	<p>0.25 hektar</p>

**RAJAH 11.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR KEMUDAHAN KEBAJIKAN**



Ketiga-tiga pusat aktiviti ini boleh ditempatkan di suatu kawasan untuk tujuan penjimatan kawasan melalui perkongsian kemudahan/ruang seperti padang permainan, tandas, dapur dan tempat letak kereta.

## **12.0 PERPUSTAKAAN AWAM**

Penyediaan kemudahan perpustakaan awam yang mencukupi adalah perlu bagi mewujudkan masyarakat yang berbudaya membaca dan berilmu, sebagaimana dihasratkan oleh kerajaan. Perkhidmatan perpustakaan awam yang disediakan dikendalikan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri dengan kerjasama Kerajaan Tempatan.

Dasar pelaksanaan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat adalah melalui penyediaan dan pembekalan pelbagai jenis sumber maklumat serta menggalakkan penggunaannya secara meluas.

### **12.1 Garis Panduan Umum**

Berdasarkan prinsip perancangan dan pembangunan sejagat, beberapa garis panduan umum untuk Perpustakaan Awam merangkumi:

- Kriteria Perancangan Tapak, dan Tadahan penduduk;
- Keluasan Minimum Tapak;
- Komponen Asas Perpustakaan; dan
- Rekabentuk dan Susunatur.

### 12.1.1 Perancangan Tapak

- Perancangan Tapak perpustakaan awam adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk sesuatu kawasan, hierarki dan fungsi perpustakaan yang akan disediakan (berdasarkan Standard Ruang Lantai Perpustakaan Awam oleh Perpustakaan Negara Malaysia 1997) seperti berikut:-

Model Perpustakaan	Jumlah Penduduk
Perpustakaan Negeri	400,000 ke atas
Perpustakaan Metropolitan	200,000-400,000
Perpustakaan Wilayah	100,000-200,000
Perpustakaan Cawangan A	50,000-100,000
Perpustakaan Cawangan B	10,000-50,000
Perpustakaan Pekan A	7,000-10,000
Perpustakaan Pekan B	5,000-7,000
Perpustakaan Desa A	3,000-5,000
Perpustakaan Desa B	2,000-3,000
Perpustakaan Desa C	Kurang dari 2,000

- Perpustakaan awam perlu ditempatkan di lokasi yang strategik dan mudah dikunjungi oleh segenap lapisan masyarakat termasuk golongan kurang upaya;
- Perpustakaan awam perlu berhampiran dengan pengangkutan

awam serta dihubungi oleh Sistem Pejalan Kaki, basikal yang khas supaya tiada konflik dengan kenderaan lain:

- iv. Tapak perpustakaan awam tidak sesuai di kawasan topografi tinggi;
- v. Perpustakaan awam hendaklah ditempatkan di kawasan tumpuan ramai seperti berdekatan masjid, surau, taman awam, kawasan permainan kanak-kanak dan tempat-tempat lain yang tidak bercanggah dari segi aktivitinya; dan
- vi. Perancangan tapak perpustakaan awam mestilah selaras dengan cadangan dan strategi Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihakberkuasa Negeri.

#### **12.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Keluasan tapak perpustakaan awam mestilah mencukupi untuk pembangunan akan datang termasuklah keluasan bangunan perlu mengambilkira perancangan lima tahun untuk menampung koleksi peningkatan perkhidmatan perpustakaan;
- ii. Keluasan tapak perpustakaan awam hendaklah mengambilkira komponen utama dan komponen sokongan yang perlu disediakan seperti tempat letak kereta dan ruang landskap;
- iii. Keluasan kemudahan ini perlulah berdasarkan keperluan ruang untuk mencapai matlamat perkhidmatan perpustakaan awam seperti:
  - a. Perkhidmatan Pinjaman;
  - b. Perkhidmatan Maklumat;
  - c. Perkhidmatan Rujukan;
  - d. Perkhidmatan Reprografi;
  - e. Perkhidmatan Untuk Kanak-kanak; dan
  - f. Perkhidmatan tambahan lain.



- iv. Keperluan ruang perpustakaan hendaklah dikaitkan dengan komponen perpustakaan awam yang akan disediakan seperti:
  - a. Ruang Pameran;
  - b. Ruang Pembaca dan Rujukan;
  - c. Ruang Koleksi;
  - d. Ruang Pejabat Perpustakaan;
  - e. Bilik sumber media- tayangan video, rakaman dan lain-lain;
  - f. Bilik Serbaguna;
  - g. Ruang prosesan data/pembaikan bahan; dan
  - h. Keperluan asas lain seperti stor, ruang rehat, bilik sembahyang dan lain-lain.

### **12.1.3 Rekabentuk dan Susunatur**

- i. Rekabentuk perpustakaan awam mestilah 'functional' dan mempunyai ciri-ciri budaya tempatan di mana perpustakaan merupakan khazanah kebudayaan tempatan;
- ii. Rekabentuk dan susunatur Perpustakaan Awam hendaklah mengambilkira pergerakan fungsi di antara komponen perpustakaan.
- iii. Rekabentuk perpustakaan awam perlulah mengambilkira ciri-ciri permodenan bagi mempertingkatkan pasaran teknologi maklumat;
- iv. Rekabentuk juga hendaklah mengambilkira iklim tempatan dan kemudahan penyelenggaraan untuk menjaga ketahanan dan keselamatan bahan perpustakaan;
- v. Perpustakaan awam perlulah dilandskap dengan pokok yang sesuai untuk meningkatkan mesra persekitaran dan mewujudkan suasana tenang dan selesa kepada pengunjung. Keluasan kawasan yang diperlukan bagi tujuan landskap dan

ruang kegunaan utiliti dikira sebagai 10 peratus kepada ruang lantai perpustakaan;

- vi. Perpustakaan awam hendaklah mempunyai ruang tempat letak kereta yang mencukupi untuk:
  - a. Tempat letak kenderaan perpustakaan bergerak;
  - b. Tempat letak kenderaan kakitangan perpustakaan;
  - c. Tempat letak kenderaan pengunjung; dan
  - d. Ruang tambahan untuk tempat panggah memunggah dan sirkulasi.

Keluasan tempat letak kereta adalah 20 peratus daripada keseluruhan kawasan; dan

- vii. Mengadakan tempat letak kereta khas untuk orang kurang upaya dan kemudahan 'ramp' di tempat yang sesuai.


## **12.2 Piawaian**

Piawaian bagi perpustakaan adalah seperti di Jadual 12.1.

**JADUAL 12.1 : PIAWAIAN PERPUSTAAAN AWAM**

Bil	Jenis/ Model	Jumlah Penduduk	Ruang Lantai (meter persegi)	Kawasan Landskap (meter persegi)	Sirkulasi/ tempat letak kenderaan (meter) persegi	Jumlah keluasan tapak (meter persegi)
1.	Perpustakaan Negeri	400,000 ke atas	10,000	1,000	2,000	13,000 (1.3 ha)
2.	Perpustakaan Metropolitan	200,000- 400,000	7,500	750	1,500	9,750 (1.0 ha)
3.	Perpustakaan Wilayah	100,000- 200,000	6,000	600	1,200	7,800 (0.8 ha)
4.	Perpustakaan Cawangan A	50,000- 100,000	3,500	350	700	4,550 (0.45 ha)
5.	Perpustakaan Cawangan B	10,000- 50,000	2,000	200	400	2,600 (0.26 ha)
6.	Perpustakaan Pekan B	7,000- 10,000	1,500	150	300	1,950 (0.19 ha)
7.	Perpustakaan Pekan B	5,000 7,000	1,000	100	200	1,300 (0.13 ha)
8.	Perpustakaan Desa A	3,000 5,000	600	60	120	780
9.	Perpustakaan Desa B	2,000- 3,000	400	40	80	520
10.	Perpustakaan Desa C	Kurang dari 2,000	210	-	-	-
11.	Perpustakaan Bergerak	-	-	-	-	-

RAJAH 12.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR PERPUSTAKAAN AWAM



RAJAH 12.2 : CONTOH PELAN SUSUNATUR PERPUSTAKAAN KECIL AWAM DI KAWASAN PERUMAHAN



### **13.0 KEMUDAHAN PERKHIDMATAN POS**

Kemudahan perkhidmatan pos kini dikendalikan oleh Pos Malaysia Berhad. Perkhidmatan pos telah melalui beberapa perubahan selepas proses penswastaan. Operasi perkhidmatan pos lebih berfungsi sebagai Syarikat Swasta yang berdasarkan keuntungan dan pulangan balik. Walaubagaimanapun, kemudahan perkhidmatan pos adalah merupakan satu perkhidmatan kemudahan awam untuk memenuhi keperluan dan kemudahan masyarakat.

Fungsi pejabat pos berbeza mengikut jenis dan perkhidmatan. Fungsi utama Perkhidmatan Pos adalah seperti berikut:

- i. Pusat mel - Pengumpulan, pengagihan dan pendedaran;
- ii. Pos laju; dan
- iii. Perkhidmatan Kaunter (Pejabat Pos)

Di antara perkhidmatan pos, perkhidmatan kaunter atau lebih dikenali sebagai Pejabat Pos, adalah perkhidmatan yang berkait rapat dengan orang awam. Garis panduan ini akan merangkumi hanya perkhidmatan kaunter (Pejabat Pos).

#### **13.1 Garis Panduan Umum**

##### **13.1.1 Perancangan Tapak**

- i. Perancangan tapak kemudahan ini berdasarkan bilangan penduduk fungsi dan hierarki iaitu Pejabat Pos Besar dan Pejabat Pos;
- ii. Bagi perancangan Pusat Bandar Siber (Cyber City) dilokasi yang strategik dengan dilengkapi dengan kemudahan terkini dan berteknologi tinggi;
- iii. Lokasi tapak pejabat pos hendaklah mudahsampai dengan pengangkutan awam dan pejalan kaki;
- iv. Bagi kawasan pusat bandar, pejabat pos perlulah ditempatkan di kawasan tumpuan orang ramai dan di kawasan institusi;
- v. Lokasi pejabat pos perlu ditempatkan berhampiran dengan pelanggan. Kawasan yang sesuai adalah seperti kawasan perdagangan, pejabat dan kawasan perumahan yang berdensiti

sederhana dan tinggi; dan

- vi. Perancangan tapak pejabat pos mestilah selaras dengan cadangan dan strategi Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan strategi Pembangunan dalam Rancangan Tempatan dan Pelan Susunatur yang telah diluluskan oleh Pihak berkuasa Negeri.

### **13.1.2 Keluasan dan Saiz Minimum Tapak**

- i. Keluasan kemudahan perkhidmatan pos adalah berdasarkan kepada fungsi dan hierarki;
- ii. Keluasan kemudahan ini perlu mengambilkira pembesaran akan datang dan penyediaan kemudahan yang berkaitan seperti tempat letak kereta; dan
- iii. Kemudahan ini perlulah dilengkapi dengan landskap yang bersesuaian dan menarik.

### **13.1.3 Susunatur dan Rekabentuk**

- i. Rekabentuk kemudahan perkhidmatan pos hendaklah mengikut fungsi di samping mencerminkan budaya tempatan;
- ii. Sistem perhubungan bagi kemudahan ini perlulah teratur iaitu jalan keluar masuk dan pejalan kaki yang selamat;
- iii. Susunatur kawasan pejabat pos hendaklah mempunyai kawasan tempat letak kenderaan yang mencukupi dan ruang landskap;
- iv. Pejabat Pos yang di letak di dalam kompleks perdagangan perlu mempunyai identiti tersendiri seperti warna dan lambang yang terang;
- v. Rekabentuk dan susunatur hendaklah mengambilkira keselesaan pengguna dengan menyediakan ruang menunggu yang mencukupi dan teratur;
- vi. Rekabentuk dan bahan binaan hendaklah menarik dan berdaya tahan dengan mengutamakan keselamatan pengguna umpamanya bahan lantai yang tidak licin dan senang diselenggarakan; dan

- vii. Rekabentuk dan susunatur pejabat pos hendaklah mengambilkira komponen pejabat pos seperti berikut:
- a) Ruang Perkhidmatan Kaunter;
  - b) Ruang Pejabat/Pentadbiran;
  - c) Ruang Menunggu Orang Awam;
  - d) Ruang Pengagihan (sorting);
  - e) Bilik Bungkus;
  - f) Stor;
  - g) Bilik Air/Tandas;
  - h) Bilik Rehat;
  - i) Tempat Sembahyang;
  - j) Tempat Letak Kereta/Kenderaan Pos; dan
  - k) Ruang Landskap.


### 13.3 Piawaian

Piawaian kemudahan pejabat pos adalah seperti di Jadual 13.1

**JADUAL 13.1 : PIAWAIAN KEMUDAHAN PERKHIDMATAN POS**

Bil	Jenis/Klasifikasi	Kawasan Tadahan/Penduduk	Keluasan (Ekar)
1.	Pejabat Pos Besar	1 Pejabat Pos Besar bagi setiap negeri	1.0 hektar/2.5 ekar
2.	Pejabat Pos	Melebihi 15,000 penduduk bagi setiap pusat pertumbuhan; mengikut kesesuaian	0.3 hektar/0.75 ekar

**RAJAH 13.1 : CONTOH PELAN SUSUNATUR KEMUDAHAN MASYARAKAT  
(PEJABAT POS, PERPUSTAKAAN, DEWAN ORANG RAMAI  
DAN KLINIK)**



#### **14.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT ISLAM JPBD 7/97**

Garis panduan ini meliputi aspek-aspek berikut:-

- i. Peranan Tempat Ibadat Islam
  - Peranan dan fungsi Masjid/Surau;
  - Komponen dan Ruang Tempat Ibadat; dan
  - Keperluan Ruang Mengikut Fungsi Tempat Ibadat.
- ii. Prinsip Perancangan Tempat Ibadat Islam



- iii. Garis Panduan Umum
  - Perancangan Bagi Masjid Negara, Masjid Negeri dan Masjid Daerah/ Jajahan;
  - Perancangan Bagi Masjid Jamek;
  - Perancangan Bagi Surau/Madrasah/Musalla; dan
  - Perancangan Bagi Bilik atau Ruang Sembahyang.
- iv. Piawaian Perancangan
  - Nisbah Kepadatan; dan
  - Keperluan Ruang dan Anjakan Bangunan.

#### **15.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN TANAH PERKUBURAN ISLAM DAN BUKAN ISLAM JPBD 17/97**

Garis panduan ini meliputi aspek-aspek berikut:-

- i. Prinsip Perancangan tanah perkuburan Islam dan Bukan Islam
- ii. Dasar Pelaksanaan
- iii. Garis Panduan Umum
  - Perancangan Tanah Perkuburan Mengikut Hierarki penempatan
    - Kawasan Kejiranan;
    - Kawasan Bandar dan Pekan; dan
    - Separa Wilayah
  - Perancangan Tapak
    - Kepercayaan Agama dan Adat Resam;
    - Kesihatan Umum;
    - Topografi dan Struktur Tanah; dan
    - Kesesuaian Tanah.

- Keperluan Ruang
- iv. Garis Panduan Khusus
  - Susunatur Tanah Perkuburan dan Kremotaria;
  - Susunatur Tanah Perkuburan Islam dan Bukan Islam;
  - Susunatur Kremotaria; dan
  - Susunatur dan Rekabentuk Taman Peranginan
- v. Piawaian

#### **16.0 PIAWAIAN PERANCANGAN TANAH LAPANG DAN REKREASI JPBD 21/97**

Piawaian ini meliputi aspek-aspek berikut:-

- i. Dasar Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi
- ii. Prinsip-prinsip Perancangan
- iii. Garis Panduan Umum
  - Perancangan Tapak;
  - Komponen Tanah Lapang dan Rekreasi;
  - Saiz minimum Tanah Lapang dan Rekreasi;
  - Aktiviti dan Kemudahan Sokongan; dan
  - Landskap
- iv. Garis Panduan Khusus
  - Lot permainan
  - Padang Permainan
  - Padang Kejiranan
  - Taman Tempatan
  - Taman atau Padang Bandaran (Town Park or Openspace)


- Taman Wilayah (Regional Open Space)
- Taman National (National Park)
- Kemudahan untuk golongan kurang upaya.

## **17.0 GARIS PANDUAN PERANCANGAN TEMPAT IBADAT BUKAN ISLAM**

Garis panduan ini meliputi aspek-aspek berikut

- i. Peranan tempat Ibadat Bukan Islam
- ii. Ciri-ciri Tempat Ibadat Bukan Islam
- iii. Prinsip Perancangan
- iv. Garis Panduan Umum
  - Perancangan Tapak;
  - Komponen Ruang Tempat Ibadat; dan
  - Rekabentuk Bangunan.
- v. Piawaian Perancangan
  - Nisbah Kepadatan;
  - Keperluan Ruang dan Anjakan Bangunan; dan
  - Tempat Letak Kenderaan.

# LAMPIRAN



**HIERARKI KEMUDAHAN KESIHATAN**

Kemudahan kesihatan biasanya disediakan mengikut beberapa peringkat tertentu, iaitu Peringkat negeri, daerah dan tempatan seperti berikut:

- Peringkat negeri/daerah - Hospital
- Peringkat daerah - Pejabat kesihatan daerah
- Peringkat tempatan - Klinik kesihatan
- Peringkat petempatan kecil - Klinik desa

Kemudahan kesihatan dibahagi mengikut fungsi sebagaimana berikut:

<b>Perubatan (Rawatan sekunder dan tertiar)</b>
Hospital Besar
Hospital Daerah dengan pakar
Hospital Daerah tanpa pakar
Kesihatan Awam (Pencegahan dan rawatan primer)
Pejabat Kesihatan Daerah
Klinik Kesihatan Jenis I, Jenis II, Jenis III
Klinik Desa

Perkhidmatan yang diberi adalah berbeza mengikut jenis dan peringkat.

**1. Jenis perkhidmatan yang diberi oleh hospital termasuklah:**

- a. Rawatan pesakit luar;
- b. Rawatan pesakit dalam;
- c. Perkhidmatan rawatan dan diagnosis;
- d. Perkhidmatan sokongan perubatan, latihan dan pembelajaran; dan
- e. Pentadbiran.

**2. Jenis Perkhidmatan yang diberi oleh Pejabat Kesihatan Daerah ialah:**

- a. Pengurusan kesihatan awam;
- b. Kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit;

- c. Kawalan mutu makanan;
- d. Kesihatan alam sekitar (termasuk kawalan mutu air minuman); dan
- e. Promosi kesihatan.

**3. Jenis Perkhidmatan yang diberi oleh Klinik Kesihatan ialah:**

- a. Pengurusan kesihatan awam;
- b. Kesihatan keluarga (termasuk kesihatan ibu dan anak, sekolah, remaja, wargatua, mental, pemakanan, rehabilitasi dan rawatan di rumah);
- c. Rawatan pesakit luar dan kecemasan;
- d. Pergigian;
- e. Kesihatan pekerja dan alam sekitar;
- f. Pengimejan diagnostik (x-ray);
- g. Makmal;
- h. Farmasi; dan
- i. Promosi kesihatan.

**4. Jenis Perkhidmatan yang diberi oleh Klinik Desa ialah:**

- a. Kesihatan Keluarga; dan
- b. Rawatan pesakit luar.

**HIERARKI KEMUDAHAN PENDIDIKAN****1. Taska/Taman Didikan Kanak-Kanak (TADIKA)**

Taska adalah Pusat Jagaan Kanak-Kanak di bawah umur 4 tahun. Akta yang berkaitan ialah akta Taman Asuhan Kanak-kanak Akta 308 (1984) dan Akta Pusat Jagaan (1993) Akta 506.

Kemudahan Tadika/pra sekolah adalah untuk kumpulan umur 5-6 tahun. Tadika berperanan membentuk dan meningkatkan keupayaan mental dan interaksi sosial di kalangan kanak-kanak kumpulan umur tersebut. Pihak yang bertanggungjawab menyelenggara Tadika ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (KEMAS) dan pihak swasta. Sebahagian besar Tadika di bawah selenggaraan KEMAS ditempatkan di balairaya.

**2. Sekolah Rendah**

Kemudahan sekolah rendah disediakan untuk keperluan kumpulan umur 7-12 tahun. Permintaan kemudahan ini semakin bertambah sejajar dengan pertumbuhan penduduk sesuatu kawasan. Hampir keseluruhan sekolah rendah ditadbir di bawah Jabatan Pendidikan dan sedikit darinya merupakan sekolah swasta.

**3. Sekolah Pendidikan**

Kemudahan sekolah menengah adalah untuk kumpulan umur 12-19 tahun. Kemudahan ini boleh dibahagikan kepada 3 kumpulan seperti berikut:

- a. Kumpulan sekolah menengah rendah (13-15 tahun);
- b. Kumpulan sekolah menengah (16-17 tahun); dan
- c. Kumpulan sekolah menengah atas (18-19 tahun).

Terdapat 4 jenis/kelas sekolah menengah dan pihak yang bertanggungjawab menyelenggarakan seperti berikut:

- a. Sekolah Menengah - di bawah selenggaraan Jabatan Pendidikan;
- b. Sekolah Menengah Agama - di bawah selenggaraan Yayasan Agama;
- c. Sekolah Menengah Swasta - dimiliki dan diurus oleh pihak swasta; dan
- d. Sekolah Menengah Vokasional - di bawah selenggaraan Jabatan Pendidikan.

#### 4. Institut Pengajian Tinggi

Institut pengajian tinggi merangkumi maktab perguruan, kolej, vokasional, politeknik dan universiti. Terdapat dua pendekatan dalam perancangan institut pengajian tinggi iaitu konsep perancangan terbuka dan konsep tertutup.

Konsep Perancangan institut atau universiti terbuka adalah perancangan aktiviti pendidikan dan pembelajaran yang dijalankan atau diintegrasikan bersama dengan kegunaan dan aktiviti bandar. Pembinaan bangunan universiti dan kolej dilaksanakan berhampiran atau di antara bangunan-bangunan yang mempunyai kegunaan lain. Perancangan aktiviti secara 'ad hoc' dan kekurangan ruang adalah faktor utama penerimaan konsep perancangan terbuka. Kolej, vokasional, politeknik, maktab perguruan, sekolah vokasional dan pusat pengajian tinggi swasta banyak mengamalkan konsep terbuka.

Konsep perancangan institut tertutup adalah pembangunan pusat pengajian tinggi yang mempunyai kawasan yang khas dan terkawal. Konsep ini menekankan kepada pewujudan kawasan kampus seperti perkampungan akademi dan terletak di kawasan yang khusus.

Semua aktiviti dan fakulti pendidikan dijalankan di dalam kawasan kampus. Komponen utama yang perlu ada dalam kampus kedua-dua kategori ini termasuklah:

- Kolej dan fakulti;
- Pusat pentadbiran;
- Kediaman pelajar dan staf akademi;
- Kawasan sukan dan rekreasi;
- Keagamaan; dan
- Pusat perkhidmatan asas.



**LAMPIRAN 3****RINGKASAN KEPERLUAN ASAS BALAI BOMBA 2 BAY****1. Balai Bomba 2 bay****a. Tingkat Bawah**

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
1.	Bilik Peralatan - Kereta Bomba	143.0
2.	Bilik	71.5
3.	Bilik Kawalan	18.0
4.	Bilik Perkakas	13.2
5.	Bilik Penyelenggaraan	24.0
6.	Bilik Pemeriksaan Alat Pernafasan	18.0
7.	Stor Hos	15.1
8.	Pejabat Lesen dan Pencegahan Api	28.75
9.	Ruang Tetamu	9.0
10.	Stor	6.75
11.	Bilik Mesyuarat	24.75
12.	Bilik Pegawai Bertugas	22.35
13.	Tandas	7.95
14.	Jumlah Keluasan Lantai	399.3
15.	Laluan	57.77

**b. Tingkat Atas**

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
1.	Bilik Rehat	41.75
2.	Bilik Sembahyang	10.5
3.	Tandas	2.0
4.	Ruang Standby Malam	64.5
5.	Jumlah Keluasan Lantai	150.65
6.	Laluan	26.25

**c. Bilik Tangki Air dan Lain-lain**

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
1.	Bilik Tangki Air	13.5
2.	Padang Kawad	25.0 x 40.0
3.	Menara Kawad	-
4.	Padang Permainan	-
5.	Pondok Kawalan	
6.	Rumah Kakitangan Kelas G	1 Blok 16 Unit
7.	Rumah Kakitangan Kelas F	3 Unit 2 Tingkat

**RINGKASAN KEPERLUAN ASAS BALAI BOMBA 3 BAY**

**a. Tingkat Bawah**

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
1.	Bilik Pegawai Bertugas	13.2
2.	Bilik Kawalan	-
3.	Setor	11.2
4.	Dewan Pintu Masuk Utama	28.2
5.	Tangga	22.1
6.	Bilik Janakuasa	6.4
7.	Tandas	1.9
8.	Bilik PABX	1.9
9.	Ruang untuk gelungsur ke bawah	18
10.	Ruang Kelengkapan Alat-alat	295.2
11.	Bilik Rekreasi	40.9
12.	Bilik Syarahan	32.9
13.	Bilik Sembahyang	-
14.	Dewan Pintu Masuk	20.5
15.	Tangga	22.1
16.	Bilik Ketua Ahli Bomba	22.0
17.	Bilik Pegawai Bomba	23.0
	Jumlah keluasan untuk tingkat bawah	670.6

**b. Tingkat Satu**

Ruang di tingkat satu melibatkan kerja-kerja pencegahan kebakaran tempatan, di mana Balai tersebut terletak.

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
2.1	Ruang Tidur dan Bilik Rehat	17.0
2.2	Tangga	22.1
2.3	Bilik Air	-
2.4	Ruang Untuk Gelungsur Ke Bawah	18.0
2.5	Pejabat	56.0
2.6	Dewan	Ruang Lapang
2.7	Stor	10.5
	Jumlah keluasan tingkat satu	290.8

**c. Tingkat Dua**

Ruang di tingkat dua berfungsi sebagai operasi bahagian dan sektor yang biasa meliputi di antara 5 hingga 10 balai. Semua operasi urusan bekalan perlesenan, pencegahan kebakaran, pentadbiran dan lain-lain akan ditempatkan di sini.

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
3.1	Bilik Pegawai 1	18.8
3.2	Bilik Pegawai 2	20.2
3.3	Bilik Pegawai 3	24.5
3.4	Bilik Pegawai 4	24.5
3.5	Dewan	46.2
3.6	Tangga	21.1
3.7	Bilik Air	25.5
3.8	Bilik Gerakan	117.3
3.9	Bilik Mesyuarat	45.6
3.10	Pejabat Am 1	132.5
3.11	Pejabat Am 2	82.3
3.12	Bilik Air	25.5
3.13	Tangga	22.1
	Jumlah keluasan tingkat dua	585.4

**d. Tingkat Tiga**

Ibu Pejabat Balai Bomba ditempatkan di tingkat tiga, di mana semua urusan pentadbiran seluruh negeri akan dijalankan. Pejabat ini akan menjadi pejabat Pengarah Bomba Negeri, Pejabat Timbalan Pengarah Bomba, Pejabat Pegawai Pencegah Negeri, Pejabat Urusan Kewangan dan lain-lain lagi.

Bil	Perkara	Keluasan (meter persegi)
4.1	Bilik Pengarah 1	22.0
4.2	Bilik Timbalan Pengarah	18.1
4.3	Bilik Pegawai Pencegah Kebakaran	11.7
4.4	Bilik Pegawai Logistik	11.6
4.5	Pegawai Pelatih	11.6
4.6	Ruang Untuk Pegawai Operasi (10 orang)	59.4
4.7	Perkeranian	105.7
4.8	Pembantu Peribadi	8.0
4.9	Bilik Mesin Fotostat	8.7
4.10	Bilik Fail (2)	17.4
4.11	Bilik Alat Tulis	8.7
4.12	Bilik Mesyuarat	30.3
4.13	Tandas	-
4.14	Ruang Tetamu	-
	Jumlah keluasan tingkat tiga	473.4

**PASUKAN KAJIAN GARIS PANDUAN  
PERANCANGAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**

**PENASIHAT**

1. *Y. Bhg. Dato' Prof Zainuddin bin Muhammad  
Ketua Pengarah,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa,  
Semenanjung Malaysia.*

**JAWATANKUASA PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN**

1. *Ketua Pengarah* *Pengerusi*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia*
2. *Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia*
3. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Semenanjung Malaysia*
4. *Jabatan-Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri-Negeri*
5. *Pejabat Pengurusan,  
Bahagian Rancangan Pembangunan*
6. *Unit-unit Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Ibu Pejabat, Semenanjung Malaysia*
7. *Bahagian Rancangan Pembangunan, Perbadanan Putrajaya*
8. *Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Klang  
Jabatan Perdana Menteri*
9. *Bahagian Rancangan Jalan, Kementerian Kerja Raya*
10. *Lembaga Pembangunan Labuan*
11. *Lembaga Pembangunan Langkawi*
12. *Kuala Lumpur International Airport Berhad.*
13. *Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang*

14. *Unit Penyelidikan dan Pembangunan* - *Urusetia*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat)*

#### **JAWATANKUASA PENYELARAS**

1. *Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)* - *Pengerusi*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa*  
*Semenanjung Malaysia*
2. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Perlis*
3. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Pahang*
4. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Selangor*
5. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Perak*
6. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Terengganu.*
7. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Kelantan*
8. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Pulau Pinang*
9. *Pengarah*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Melaka*
10. *Ketua Penolong Setiausaha*  
*(Seksyen Perancangan dan Infrastruktur)*  
*Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Lembah Kelang*
11. *Ketua Unit Penyelidikan dan Pembangunan* - *Urusetia*  
*Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (Ibu Pejabat)*

## **PASUKAN KAJIAN**

1. *Pn. Hajah Norasiah binti Haji Yahya  
(Ketua Pasukan Kajian)*
2. *En. Mohd Fadhil Bin Mohd. Khir*
3. *En. Mohamad Bin Haji Ibrahim*
4. *Cik Lim Siew Chin*
5. *En. Mohd Nasir Bin Kamin*
6. *Puan Salmiah Hashim*
7. *Puan Naeimah Binti Hassan*
8. *Puan Norisah Binti Haji Rahim*
9. *Pn. Husniah binti Mohd Hasir*
10. *Puan Hodijah binti Abdullah*
11. *Pn. Zulridah binti Arshad*